

Jilid I  
Bil. 82



Hari Jumaat  
6hb November, 1987

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 13585]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 13629]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 13629]**

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN At-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, P.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINII OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S N.S., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).

Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M... D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR. P.P.N. (Pagoh).

TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).  
 TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).  
 TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).  
 TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).  
 TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).  
 TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).  
 DR V. DAVID (Puchong).  
 TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).  
 DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).  
 TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).  
 „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).  
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).  
 „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).  
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).  
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).  
 TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).  
 TUAN HU SEPANG (Rasah).  
 TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).  
 TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).  
 TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).  
 „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).  
 TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).  
 DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).  
 TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).  
 TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).  
 TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).  
 TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- » TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWPIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P.** (Tasek Gelugor).
- DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., **S.S.IJ.**, S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,  
A.M.N. (Saratok).

TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,  
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN Tmu SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

DR TING CHEW PEH (Gopeng).

TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir  
Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).
- TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suho bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 6hb November, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

SYARIKAT TELEKOM  
MALAYSIA—PENCAPAIAN

**1. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menerangkan sama ada Kementerian menyedari bahawa perhubungan telefon khasnya di negeri Sabah masih kurang memuaskan dan sering mengalami masalah seperti perbualan kurang jelas, terputus-putus dan panggilan salah (cross line) dan yang lebih teruk lagi perkhidmatan telefon dipotong walaupun bil-bil telefon tersebut telah dijelaskan:

- (a) sejauh manakah pencapaian Syarikat Telekom Malaysia Bhd (STM) semenjak ia diswastakan dan apakah kemajuan yang telah dibuat jika dibandingkan dengan perkhidmatan sebelum ini iaitu Jabatan Telekom Malaysia (STM); dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin**

**Othman):** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada soalan ini telah pun terjawab di Dewan ini pada tarikh 14hb Oktober, 1987. Saya sekadar ingin menambah bahawa walaupun pada usia 10 bulan, harapan masyarakat pengguna terhadap Syarikat Telekom Malaysia adalah tinggi. Oleh yang demikian, prestasi Syarikat Telekom Malaysia perlu menepati dengan harapan tersebut. Itulah sebabnya mengapa pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menekankan betapa pentingnya Syarikat Telekom Malaysia mempunyai pendekatan yang sejajar dengan citarasa pengguna, membuat pelaburan modal yang terupaya olehnya untuk meningkatkan keupayaan teknikal, disiplin kerja kakitangan supaya membaiki mutu perkhidmatan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu tentang langkah-langkah yang telah diambil oleh Syarikat Telekom Malaysia untuk meningkatkan kecekapan demi kepentingan orang ramai, memandangkan bahawa hari ini, sebagai Wakil Rakyat, kami masih menerima berbagai-bagai aduan iaitu mengenai masalah perkhidmatan yang diberi oleh Syarikat Telekom Malaysia ini?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan bahawa Syarikat Telekom Malaysia berumur lebih kurang 10 bulan dan mewarisi

kesemuanya daripada Jabatan Telekom Malaysia. Satu daripada perkara pokok yang perlu dibuat oleh Syarikat Telekom Malaysia ialah untuk mengubah dari segi pendekatan dan juga dari segi sikap ataupun meneliti mengenai perkhidmatan mereka kepada masyarakat.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Telekom Malaysia memberi perkhidmatan yang memudahkan pengguna sama ada untuk mendapatkan bekalan perkhidmatan ataupun cara menggunakannya ataupun layanan terhadap apa jua aduan, ataupun dari segi teknikal ianya lebih sempurna lagi. Seterusnya Syarikat Telekom Malaysia memastikan bahawa liputannya lebih meluas tagi supaya daripada nisbah tujuh daripada 100 setiap penduduk dapat ditambah kepada satu nisbah yang lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkahnya ialah dari segi disiplin kerja, dari segi teknikal dan juga dari segi liputan kemudahan Telekom, bukan sekadar di dalam bandar, bahkan di merata negara kita.

**Tuan Hashim bin Safin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati memang ada kesan baik setelah penswastan diberi kepada Syarikat Telekom Malaysia. Tetapi apa yang masih ketara, kerosakan-kerosakan yang disengajakan oleh belia-belia ataupun pemuda-pemuda yang masih nakal kepada telefon yang dipasang terutama di luar bandar dan perkara ini barangkali satu tindakan perlu diambil. Dengan ini, apakah Kementerian bercadang meminta Syarikat Telekom Malaysia memberi kursus sivik bersama dengan kursus yang dianjurkan oleh pihak-pihak penerangan atau sebagainya untuk memberi kesedaran sivik tentang

pentingnya telefon itu bagi kemudahan perhubungan?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, tentang soal amalan yang negatif seperti tersebut, ia merupakan satu tanggungjawab masyarakat pada keseluruhannya untuk mengubah amalan-amalan yang negatif itu. Syarikat Telekom Malaysia dengan usaha-usaha yang dibuat melalui media massa memerlukan kerjasama dari masyarakat keseluruhannya.

**Puan Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedia maklum bahawa kecekapan dan kos rendah tidak dapat dicapai jika tiada unsur persaingan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membenarkan penubuhan satu lagi Syarikat Telekom Malaysia swasta supaya rakyat jelata akan menikmati darjah kecekapan yang tinggi pada kos yang rendah.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kita tertakluk kepada perjanjian yang memberi monopoly selama 20 tahun kepada Syarikat Telekom Malaysia untuk memberi perkhidmatan secara tersendiri, secara monopoli. Walaupun begitu, ada peruntukan-peruntukan dalam lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang memastikan bahawa Syarikat itu sebagai satu Perbadanan adalah bertanggungjawab kepada masyarakat dan seterusnya ada peruntukan dalam lesen di mana ada perkhidmatan-perkhidmatan yang bukan sejenis dengan telefon tetapi boleh menjadi saingan dipanggil Perkhidmatan Tambahan atau Value-added Services, dengan izin, yang boleh dikeluarkan oleh pihak Kementerian yang serba-sedikit secara tidak langsung akan memberi tandingan kepada perkhidmatan telefon STM.

## PENGAWAL PENGUATKUASA DI JPJ SABAH

2. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa tidak ada Pengawal Penguatkuasa di Jabatan Pengangkutan Jalan Raya di Sabah dan di Wilayah Persekutuan Labuan, akibatnya Kerajaan telah kerugian sebanyak M\$6 juta dalam tahun 1985 dan \$7 juta dalam tahun 1986 cukai jalan yang tidak terbayar; dan
- (ii) sama ada beliau bercadang membentuk unit penguatkuasa tersebut di Sabah. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Kementerian sedar ketika ini tidak ada Pengawal Penguatkuasa di Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah. Kementerian juga sedar bahawa kutipan cukai jalan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan telah pun menurun sejak tahun 1983 seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Hasil Cukai Jalan</i>
1983	\$38.0 juta
1984	34.16 juta
1985	33.0 juta
1986	28.26 juta

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan hasil cukai jalan telah menurun oleh kerana sebab-sebab berikut:

- (a) sebelum 12hb April, 1984, Undang-undang Lalulintas negeri telah berkuatkuasa di negeri

Sabah yang membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah mengutip tunggakan cukai jalan daripada pemilik kenderaan motor. Apabila Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 diperluaskan di negeri tersebut mulai 12hb April, 1984, tunggakan cukai jalan tidak dikutip lagi oleh kerana Ordinan tersebut tidak mempunyai peruntukan bagi tunggakan cukai jalan dikutip oleh seseorang Pengarah Pengangkutan Jalan. Dengan demikian ketiadaan pungutan tunggakan cukai jalan tersebut telah sedikit sebanyak mengakibatkan hasil cukai jalan berkurangan; dan

- (b) kemelesetan ekonomi di Sabah, terutamanya di bidang industri pembalakan telah menyebabkan pemilik-pemilik lori tidak menggunakan kenderaan-kenderaan mereka sepenuh masa. Apabila ini berlaku pihak mereka hanya akan membaharui cukai jalan bagi kenderaannya dari sebulan ke sebulan jika didapati perlu menggunakan kenderaan-kenderaan tersebut. Ini telah menyebabkan menurunnya kutipan hasil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah oleh kerana pada tempoh yang sama pembaharuan cukai jalan tidak dibuat oleh

pemilik-pemilik kenderaan dan tunggakan tidak dapat dikutip.

Oleh yang demikian kekurangan hasil cukai jalan yang berlaku pada tahun 1985 adalah sebanyak \$1.16 juta dan pada tahun 1986 sebanyak \$4.74 juta. Ianya tidak disebabkan oleh kerana ketiadaan Pengawal Penguatkuasa di negeri tersebut.

- (ii) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tugas penguatkuasaan peraturan lalulintas di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah dijalankan oleh pihak Polis sejak dahulu lagi. Untuk membantu pihak Polis dalam tugasnya, Kementerian Pengangkutan telah pun mengemukakan cadangan untuk menubuhkan 4 Unit Penguatkuasaan di daerah-daerah Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan Keningau pada tahun lepas. Tetapi cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan oleh kerana pembekuan jawatan-jawatan baru di seluruh perkhidmatan awam. Pada tahun ini Kementerian Pengangkutan akan mengemukakan semula cadangan untuk menubuhkan Unit-unit Penguatkuasaan tersebut.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, salah satu daripada punca kemerosotan pungutan ialah kerana tidak adanya satu Ordinan yang membolehkan pungutan tunggakan dibuat. Jadi saya ingin tahu, adakah satu peraturan baru ataupun adakah satu Ordinan baru akan dikemukakan

bagi memungut semula tunggakan-tunggakan yang telah pun begitu ketinggalan?

Yang kedua, adakah dalam pungutan ini, dalam melaksanakan pengawalan ini, pihak JPJ, pihak Pengawal Penguatkuasa tidak mendapat kerjasama yang sebaiknya daripada pihak Polis yang dikatakan tadi mengambil tugas bagi pengawalan?

Yang ketiga, selain daripada. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dua sahajalah, banyak sangat itu!

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Terima kasih.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 yang tidak mempunyai peruntukan tunggakan cukai jalan dikutip oleh seorang Pengarah Pengangkutan Jalan sudah pun diperbaiki apabila Dewan Rakyat telah meluluskan Akta Pengangkutan Jalan, 1987 di dalam sesi yang lalu. Perkara itu telah pun termasuk dalam pindaan.

Keduanya, pengawalan tadi tidak dapat kerjasama dari pihak Polis adalah tidak benar. Selama hari ini memang penguatkuasaan dilaksanakan oleh pihak Polis.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya hendak memperbetulkan satu perkataan iaitu perkataan yang keempat dalam baris pertama iaitu perkataan yang dimaksudkan ialah "dilaburkan", bukan "dilaporkan". Soalan No. 3.

## PELABURAN PETRONAS

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah amaun yang dilaburkan oleh PETRONAS di dalam dan di luar Malaysia sehingga 30-9-1987 dengan memberikan butir-butir bentuk pelaburan itu dan kedudukan setiap pulangan hasilnya; dan
- (b) jumlah keuntungan bersih PETRONAS dalam tahun 1984, 1985, 1986 dan selepas bayaran royalti, duti eksport dan semua perbelanjaan pentadbiran dan am.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30-9-1987 jumlah pelaburan PETRONAS di dalam dan luar negeri ialah sebanyak \$12,769 juta. Butir-butir pelaburan itu dan kedudukan pulangan hasilnya adalah seperti berikut:

(i) *Pelaburan dalam negeri*—

Simpanan di institusi-institusi kewangan—\$8,974 juta.

Pulangan—5.51%.

Sekuriti Kerajaan Malaysia \$3,700 juta.

Pulangan—8.36%.

(ii) *Pelaburan di luar negeri*—\$95 juta.

Pulangan—6.4%.

Jumlah keuntungan PETRONAS dalam tahun 1984, 1985 dan 1986 selepas ditolak bayaran royalti, duti eksport, cukai dan semua perbelanjaan pentadbiran dan am adalah seperti berikut:

Tahun kcwangan berakhir 31hb Mac, 1984	\$2,922 juta
Tahun 1985 ..	\$3,855 juta
Tahun 1986	\$3,848 juta

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS diwujudkan oleh kerana adanya sumber minyak dan gas di negara kita dan PETRONAS telah pun membantu ekonomi negara kita. Tetapi oleh kerana memandangkan sumber minyak dan gas ini akan habis di satu hari nanti, adakah Yang Amat Berhormat bercadang untuk mengarahkan PETRONAS supaya mempertingkatkan lagi pelaburannya sebagai salah satu usaha diversifikasi supaya PETRONAS dapat terus membantu ekonomi negara kita?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, memang PETRONAS telah diberi arahan dan dibenar membuat pelaburan untuk mengekalkan perolehannya selepas minyak dan gas kita habis dikeluarkan.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keuntungan PETRONAS meningkat dari setahun ke setahun, adakah Kerajaan bercadang mengenakan royalti yang lebih tinggi ataupun meminta dividen yang lebih banyak daripada PETRONAS?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bercadang meminta dividen yang lebih kerana kita ingin mengadakan wang PETRONAS itu sebagai satu rizab untuk menjamin kestabilan kewangan negara kita.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa PETRONAS mendapat keuntungan yang lumayan, adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan permohonan dari negeri-negeri tertentu yang mengeluarkan minyak untuk menambahkan royalti daripada 5% kepada 10%?

Keduanya, saya lihat pendapatan daripada PETRONAS yang diperolehi dalam tahun 1985 ialah \$3.8 ribu juta

dan tahun 1986 begitu juga. Mengapakah sedemikian keadaannya?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bercadang untuk menaikkan lagi royalti yang dibayar kepada negeri-negeri daripada mana minyak ini dikeluarkan. Setakat ini pun negeri-negeri yang berkenaan sudah mendapat hasil yang banyak daripada pengeluaran minyak dan adalah difikirkan adil kalau kita dapat mengagihkan keuntungan daripada PETRONAS ini kepada negeri-negeri yang lain yang tidak begitu beraasib baik. Selain daripada royalti yang telah dibayar banyak pula pelaburan yang dibuat di negeri-negeri di mana minyak itu dikeluarkan. Di Terengganu umpamanya, Kerajaan telah melabur sebanyak \$5,000 juta dan di Sarawak begitu juga. Demikian juga di Sabah.

Berkenaan dengan kenaikan yang tidak begitu banyak di antara tahun 1985 dan 1986, sebabnya ialah kerana kita dalam tahun 1986 telah mengurangkan pengeluaran minyak kerana ingin bekerjasama dengan pihak OPEC untuk mengurangkan pengeluaran minyak supaya menjaga harga minyak yang telah menurun itu.

#### **KUALA SUNGAI MENJADI CETEK**

**4. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) adakah Kerajaan menyedari tentang banyaknya muara sungai yang menjadi cetek dan menghalang lalulintas air akibat longgokan pasir dan mendakan di muaramuanya. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasinya;
- (ii) menyedari tentang perlunya tindakan segera maka bilakah kerja-kerja pengorekan akan dimulakan (memandangkan timbunan-timbunan tersebut

menjadi penghalang utama terhadap laluan kapal dan bot-bot terutamanya bot-bot nelayan); dan

- (iii) apakah Kerajaan bercadang menambak atau membenteng persisiran pantai di sepanjang Pantai Timur Semenanjung yang semakin ketara dan hebat hakisannya (di beberapa persisiran hakisan telah meroboh kediaman dan bangunan) terutama di musim tengkujuh.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari tentang masalah kuala sungai yang menjadi cetek disebabkan oleh longgokan pasir yang bukan sahaja menghalang pelayaran tetapi juga menyebabkan banjir di hulu sungai. Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasinya termasuk pengorekan, pembinaan benteng pemandu arus (guidance wall) dan lain-lain.

Kedua, memandangkan kuala-kuala sungai yang terlibat adalah banyak, kerja-kerja terpaksa dibuat mengikut keutamaan. Keutamaan ini ditentukan berdasar kepada faktor-faktor seperti pembangunan sosio-ekonomi yang terlibat, kerencaman (complexity) masalah dan lain-lain.

Ketiga, masalah hakisan pantai yang berlaku di seluruh negara akan diatasi secara berperingkat mengikut keutamaan. Langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini bergantung kepada kesesuaian dari segi teknikal, daya maju dari segi ekonomi (economic viability) serta mempunyai kesan-kesan negatif yang minima terhadap alam sekitar. Penambakan pantai dan membenteng adalah salah satu daripada alternatif yang akan dipertimbangkan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian menyedari bahawa hanya terdapat sebuah jentera pengorek sahaja di sungai-sungai negeri Terengganu setakat ini sedangkan sungai-sungai yang hendak dikorek itu adalah terlalu banyak dan keperluannya terlalu mendesak? Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi kapal korek, kalau tidak, apakah tindakan yang akan dibuat nanti?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak sedar. Walau bagaimana sekalipun, jikalau ianya memerlukan lebih banyak daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, kita akan pertimbangkan.

## MEMBANTERASPENYELUDUPAN

**5. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah hasil yang sepatutnya diperolehi sekiranya tidak ada penyeludupan dan berapakah yang harus dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membiayai pasukan keselamatan dalam usaha membanteras penyeludupan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menentukan hasil yang sepatutnya diperolehi sekiranya tidak berlaku penyeludupan, oleh kerana jumlah barang yang diseludup itu tidak diketahui. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada barang-barang yang dirampas dalam kegiatan penyeludupan nilai cukai yang patut dikenakan kepada barang-barang tersebut ialah sebanyak \$8,547,000.00 dalam tahun 1986 yang lalu. Sementara itu, sehingga bulan Ogos, 1987 pula, nilai cukai barang-barang yang dirampas berjumlah \$6,876,000.00.

Perbelanjaan mengurus bagi kakitangan yang terlibat secara langsung dalam usaha membanteras penyeludupan di Unit Pencegah Penyeludupan, Lembaga Padi dan Beras Negara dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ialah sebanyak \$16,265,000.00 bagi tahun 1986 dan \$16,443,000.00 bagi tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun jumlah perbelanjaan mengurus kakitangan yang terlibat adalah melebihi nilai cukai barang-barang yang dirampas, keutamaan dalam mengawal penyeludupan adalah untuk mencegah kemasukan barang-barang yang tidak dibenarkan langsung seperti senjata api dan dadah. Kedua-dua contoh barang itu tidaklah dapat dinilai berbanding dengan kesan yang akan timbul jika tidak ada kawalan pencegahan penyeludupan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, adakah satu wang rahsia (secret fund) ditubuhkan supaya membolehkan Jabatan Kastam dan Eksais untuk mendapat maklumat rahsia untuk membantu membanteraskan mereka yang menyeludup? Kalau ya, wang ini ada wujud, berapakah jumlahnya dan adakah ia berkesan untuk membantu pihak berkenaan untuk mencegah penyeludupan ini?

Keduanya, adakah. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sudah dua soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Itu bahagian pertama sahaja. Sekarang bahagian kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya benarkan dua soalan sahaja.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Apakah

tindakan yang akan diambil untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai kanan ataupun pegawai-pegawai berpangkat rendah tidak melibatkan diri mereka dalam rasuah yang ditawarkan oleh pihak swasta untuk barang-barang yang diseludupkan. Adakah langkah diambil? Adakah kes-kes berlaku di mana pegawai-pegawai ini dituduh dan dihadapkan ke mahkamah?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan bahagian satu (a) ialah ada; bahagian satu (b), saya tidak boleh beritahu; bahagian satu (c), berkesan.

Soalan bahagian kedua, saya tidak dapat jawab. (*Tepuk*)

#### PELAJAR MALAYSIA TAJAAN KERAJAAN DILUAR NEGERI

6. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah bilangan pelajar yang telah dihantar oleh Kerajaan ke luar negeri untuk maksud pelajaran tinggi dan jumlah amaun perbelanjaannya setiap tahun bagi tempoh lima tahun yang lepas. Berapakah banyak Kerajaan terpaksa menampung supaya sejajar dengan peningkatan bayaran yuran-yuran institusi-institusi pendidikan luar negeri bagi tempoh yang sama dan sama ada Kerajaan akan menimbang mendirikan lebih banyak universiti di Malaysia dan juga sebuah universiti yang penuh di Sabah. Jika tidak, mengapa.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelajar yang telah dihantar oleh Kerajaan ke luar negeri dalam tempoh 5 tahun (1982-1986) ialah seramai 36,649. Pecahan mengikut tahun ialah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1982 ..	7,210
1983..	7,900

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1984.. ..	7,755
1985.. ..	8,777
1986.. ..	5,007

Jumlah perbelanjaan yang digunakan ialah sebanyak \$1.8 bilion.

Pecahan mengikut tahun ialah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Perbelanjaan</i>
1982 .. ..	\$324.41 juta
1983.. ..	312.44 juta
1984.. ..	322.36 juta
1985.. ..	390.62 juta
1986.. ..	440.67 juta

Adalah sukar pada masa kini untuk menentukan dengan tepat perbelanjaan yang ditampung oleh Kerajaan akibat kenaikan bayaran yuran yang dikenakan oleh institusi pengajian luar negeri bagi tempoh yang sama oleh kerana kenaikan yuran adalah berbeza antara negara dan antara universiti dan juga kenaikan yang tidak sama antara satu tahun atau satu semester dengan semester yang lain.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa sebagai satu langkah untuk mengurangkan perbelanjaan pelajar-pelajar kita di luar negara, institusi-institusi pendidikan swasta telah memulakan rancangan "twinning" dengan universiti-universiti yang tertentu di Amerika Syarikat dan sebagainya. Sama ada Kementerian Pendidikan menyokong dan memberi galakan kepada program "twinning" itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Apa dia twinning itu, Yang Berhormat?

**Dr Goh Cheng Teik:** Ini bermakna ada kerjasama antara satu institusi di tanahair kita dengan sebuah universiti di luar negeri, misalnya dua tahun belajar di sini, kemudian sambung dua tahun di Amerika Syarikat.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar tentang rancangan kolej persediaan yang diadakan oleh sektor swasta. Pada dasarnya Kerajaan memang menyokong usaha yang telah dimulakan oleh sektor swasta itu. Walau bagaimanapun, kita tetap mengawasi perjalanannya untuk memastikan mutu tidak dikorbankan dan juga pelajar-pelajar tidak teraniaya.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk meminta universiti-universiti dalam negeri bagi menambah lagi jenis-jenis kursus yang akan ditawarkan kepada pelajar-pelajar supaya memenuhi permintaan seperti kursus yang terdapat di universiti-universiti di luar negeri. Dan adakah juga satu dasar dari Kementerian ini patut dikenakan supaya setiap pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negeri dimestikan mengikuti kursus-kursus itu dalam negeri kerana kursus itu telah ada di universiti tempatan.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tambahan pelajar di universiti tempatan pada tahun 1987 ialah 25%, bermakna jutnlah peningkatan yang paling tinggi sejak universiti-universiti tempatan ditubuhkan. Ini adalah kerana permintaan dan jumlah pelajar-pelajar dan mahasiswa-mahasiswa yang layak bertambah dengan pesatnya. Begitu juga penubuhan jenis-jenis kursus, jabatan dan fakulti-fakulti yang baru sama dengan wujudnya uniyersiti-universiti baru. Hampir ke semua

kursus-kursus yang ada di luar negeri dapat dipelajari di dalam negeri. Sebab itu sebagai satu dasar, Kerajaan memang menggalakkan pelajar-pelajar untuk mengikuti kursus pengajian di dalam negeri, Hanya setelah didapati tempat tidak mencukupi di dalam negeri, beberapa pelajar diberikan pinjaman untuk meneruskan pengajian mereka di luar negeri.

Saya ingin jelaskan juga, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebagai suatu dasar, kita tidak banyak menggalakkan pelajar-pelajar untuk menuntut ke luar negeri sekiranya kursus-kursus itu dan tempat memang dapat disediakan di dalam negeri.

#### ELAUN PERUMAHAN BAGI BORDER SCOUT

**7. Dr Nicholas Munong anak Ibau** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Border Scout atau Auxiliary Police (AP) yang bertugas di Sarawak seperti yang bertugas di Ng. Budu Bahagian Kedua Saratok dan di Batu 30, Jalan Oya/Sibu diberi elaun perumahan atau "hardship allowance" dan mengapakah tempat kediaman mereka tidak diberi perhatian.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, semua anggota-anggota dalam Perkhidmatan Polis termasuk Border Scout layak menikmati Elaun Perumahan di bawah Pekelilingan Perkhidmatan Bil. 10/80. Sementara pembayaran Elaun Hidup Susah, dengan izin, Hardship Allowance khusus bagi negeri Sarawak adalah tertakluk kepada Pekelilingan Memorandum Kerajaan Negeri Sarawak Bil. E.O/1079/1.

Border Scout atau Auxiliary Police (AP) yang bertugas di Nanga Budu Bahagian Kedua Saratok dan di Batu 30 Jalan Oya-Sibu tidak diberi Elaun Perumahan kerana mereka menduduki kuaters Kerajaan,

Hanya Border Scout di kawasan Nanga Budu Bahagian Kedua sahaja yang dibayar Elaun Hidup susah atau, dengan izin, Hardship Allowance sebanyak \$30.00 sebulan kerana kawasan tersebut telah diwartakan sebagai kawasan hidup susah oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Mengenai penyenggaraan rumah kediaman yang disediakan, Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang sewajarnya.

**Dr Nicholas Munong anak Ibau:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, saya ingin minta Timbalan Menteri menyatakan berapakah jumlah post Border Scout dan Pasukan Border Scout yang masih ada di Sarawak sekarang dan adakah Kerajaan bercadang hendak menambah jumlah itu atau tidak?

Kedua, saya ingin tahu berapakah jumlah peruntukan yang telah diagih oleh Kerajaan untuk memperbaiki dan membina tempat tinggal Border Scout di negeri Sarawak di masa ini oleh kerana saya tengok walaupun kuaters itu dikatakan kuaters, saya tengok lebih banyak rumah-rumah panjang yang lebih baik dari itu. Mengapakah tempat kediaman mereka rupanya dibiarkan sahaja.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kedua-dua soalan Yang Berhormat memerlukan jawapan yang begitu tepat dan terperinci, maka saya mohonlah kerjasama Yang Berhormat agar menulis secara rasmi kepada Kementerian untuk dijawab atas soalan tersebut.

#### AJARAN SYIAH

**8. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Abdul Latiff** minta Perdana Menteri menjelaskan adakah benar negara kita telah timbul satu golongan yang sedang giat menyebarkan ajaran Syiah yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah yang menjadi

pegangan umat Islam di negara ini, dengan menggunakan siswazah lepasan Universiti Qum di Iran, kalau ya, apakah langkah Kerajaan untuk mengawal perkembangan ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat dari Tasek Gelugor ini mempunyai maksud yang sama dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang mana telah pun saya jawab di Dewan ini pada 28hb Oktober, 1987. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk menambah atau meminda ke atas jawapan yang telah saya berikan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud);** Itupun jawapan.

#### GURU TERLATIH MAKTAB PERGURUAN

**9. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah guru-guru terlatih Maktab Perguruan mengikut kategori dan pengkhususan bagi tahun 1987 ini.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah guru terlatih keluaran maktab-maktab perguruan untuk sekolah rendah di Semenanjung Malaysia mengikut opsyen adalah seperti berikut:

<i>Opsyen</i>	<i>Jumlah</i>
Pengajian Melayu (Untuk mengajar Bahasa Melayu dan Sastera)	2,037
Pengajian Inggeris	901
Pengajian Cma .. ..	500
Pengajian Tamil . . . . .	78
Muzik . . . . .	66

Semua guru tersebut akan ditempatkan ke dalam Kategori C. Guru-guru terlatih maktab perguruan bagi sekolah menengah adalah 1,048

orang. Ini tidak termasuk jumlah yang saya bacakan tadi dan guru-guru ini akan tamat latihan mereka pada akhir tahun 1987.

Pengkhususan yang diminta itu sebenarnya 23 keseluruhannya dan melibatkan Bahasa, Geografi, Sejarah, Seni Perusahaan, Pertanian, Pendidikan Agama, Kajisawat Motor, Latihan Mesinsyop dan sebagainya dan saya fikir tidak perlu saya baca keseluruhannya.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan kerana telah berusaha dalam melatih 4,630 orang guru di Maktab Perguruan untuk sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia pada tahun ini. Soalan pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya Menteri Pendidikan, sejauh manakah perangkaan tersebut, khasnya jumlah guru-guru mengikut option pengajian Cina di SRJK(C), yang dapat memenuhi kehendak sekolah-sekolah, khasnya Sekolah-sekolah Rendah Cina pada tahun ini. Soalan kedua, berdasarkan kepada tindakan Kerajaan untuk melatih 500 orang guru pengajian Cina pada tahun ini yang menunjukkan kejujuran Kerajaan dalam meningkatkan mutu pendidikan di kalangan SRJK(C), saya ingin menanya Yang Berhormat Menteri adakah potisi ini untuk melatih guru-guru pengajian Cina akan merupakan satu polisi yang berlanjutan ataupun ianya hanya khas untuk tahun 1987 sahaja.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah guru-guru yang dilatih sama ada untuk bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil akan memenuhi sebahagian besar dari keperluan guru-guru di sekolah-sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan guru-guru untuk Bahasa Malaysia adalah paling banyak, diikuti dengan kekurangan

guru-guru bahasa Inggeris, ketiga, guru-guru bahasa Cina dan diikuti oleh guru-guru bahasa Tamil. Oleh yang demikian persiapan kita sepertimana yang dibacakan tadi akan memenuhi sekurang-kurangnya sebahagian besar keperluan guru-guru tersebut. Untuk pengajian Cina keseluruhannya ialah 787 orang yang termasuk Sabah dan Sarawak, rendah dan menengah.

Untuk soalan tambahan yang kedua, ingin saya menjelaskan bahawa sebagai satu dasar kita akan melanjutkan usaha melatih guru-guru sebaik sahaja kita dapati ada keperluan. Sekiranya tidak ada keperluan maka latihan itu akan diberhentikan dan diganti dengan latihan dalam subject yang lain.

#### **KADAR BAYARAN ELEKTRIK DI SARAWAK**

**10. Tuan Ting Ling Kiew** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan benarkah kadar bayaran elektrik oleh pengguna-pengguna di Sarawak yang paling tinggi di Malaysia. Jika benar, bolehkah kajian dibuat supaya bayaran letrik itu diturunkan.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, menurut kiraan kadar purata, adalah benar bahawa bayaran tenaga elektrik di Sarawak adalah yang paling tinggi di Malaysia iaitu 30 sen satu unit berbanding dengan 26.5 sen seunit di Sabah dan 19.3 sen seunit di Semenanjung Malaysia. Sama ada kajian ke atas perkara ini boleh dijalankan ataupun sebaliknya adalah bergantung kepada Kerajaan Negeri Sarawak itu sendiri kerana Perbadanan Elekthk Sarawak adalah perbadanan Negeri Sarawak.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, apakah rancangan pihak Kerajaan Persekutuan kerana dahulu ada ura-ura untuk

mengambil-alih SESCO ataupun dengan izin, Sarawak Electricity Supply Corporation, oleh Kerajaan Persekutuan? Apakah pembangunan atau, dengan izin, development setakat ini akan usaha-usaha itu supaya harga yang dikenakan akan dapat kita selaraskan dan supaya ketidak-adilan yang begini ketara akan dapat kita hapuskan?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bersedia untuk meneruskan perundingan yang pada hari ini masih tertangguh dan saya percaya kalau sekiranya wujud satu kerjasama antara pihak Kementerian melalui Lembaga Letrik Negara dengan pihak Kerajaan Sarawak dan khususnya Lembaga Letrik Sarawak maka kos, sama ada dari segi penjanaan ataupun dari segi penghantaran ataupun pembahagian berdasarkan kepada menggunakan sumber-sumber yang ada di negeri Sarawak itu, mungkin dapat diperbaiki lagi pada masa-masa akan datang. Jadi sebenarnya terpulang kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk bersama-sama memulakan langkah ke arah tersebut.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sebab-sebab kenapa langkah-langkah untuk mengambil-alih SESCO oleh pihak Kerajaan Persekutuan memakan masa begitu panjang, 2 tahun lebih. Apakah sebab-sebab yang menangguhkan perbincangan ini? Kenapa?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, menurut hemat saya sesuatu usaha ke arah kerjasama adalah berdasarkan kepada mutual benefits ataupun faedah bersama yang boleh didapatkan antara dua pihak. Oleh yang demikian pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sebenarnya amat yakin tentang

faedah bersama yang boleh didapati kalau kita menuju ke arah kerjasama di antara khususnya Lembaga Letrik Negara dengan Perbadanan Elektrik Sarawak.

## PUSAT KESIHATAN JULAU

**11. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah kerja pembinaan pusat kesihatan Julau bermula kerana pembinaannya diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Projek Pusat Kesihatan Daerah Julau terpaksa ditangguhkan kerana masalah kewangan. Dalam keadaan peruntukan pembangunan yang terhad, keutamaan terpaksa diberi untuk membina beberapa Pusat-pusat Kesihatan Daerah di kawasan-kawasan pendalaman yang lain yang mempunyai penduduk yang lebih ramai. Peruntukan untuk membina Pusat Kesihatan Daerah Julau akan dipohon semula semasa penyediaan Rancangan Malaysia Keenam.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masalah kesihatan di kawasan luar bandar agak serius, saya ingin mengetahui sama ada pihak Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk memperbanyakkan lagi pusat kesihatan di kawasan luar bandar.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan yang perlu dalam bidang kesihatan, tetapi bukan kerana keadaan pada masa ini adalah amat serius seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Kemajuan yang tercapai sejak kita sesudah merdeka adalah suatu yang membanggakan.

**PERTUBUHAN BERDAPTAH—  
PENGECUALIAN CUKAI  
PENDAPATAN**

**12. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menjelaskan adakah pihak-pihak Kementeriannya bercadang untuk mengecualikan semua pertubuhan-pertubuhan yang didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan-pertubuhan bagi tujuan di bawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967, supaya menggalakkan derma-derma untuk membantu penuntut-penuntut yang miskin.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengecualikan semua pertubuhan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan bagi maksud seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 kerana pertubuhan sedemikian biasanya mempunyai tujuan yang berbagai seperti pertubuhan rekreasi, sosial dan profesional. Jika sekiranya sesuatu pertubuhan ingin mendapatkan pengecualian di bawah seksyen 44 (6) untuk membantu penuntut-penuntut miskin, tabung khas untuk tujuan tersebut perlulah dibuka dan permohonan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri atas nama tabung khas tersebut untuk mendapatkan pengecualian.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, setakat kini berapakah pertubuhan yang telah meminta daripada pihak Kementerian Kewangan untuk pengecualian cukai di bawah seksyen berkenaan? Berapa permohonan telah dibuat kepada pihak Kementerian itu dan berapakah yang telah diberi kebenaran untuk tujuan supaya pertubuhan-pertubuhan sukarela itu boleh membantu ahti-ahli mereka bagi tujuan pelajaran?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya ingin menjawab soalan tambahan daripada

Ahli Yang Berhormat tadi, saya tidak mempunyai apa-apa angka di dalam tangan saya sekarang. Tetapi dalam pengetahuan saya banyak pertubuhan di seluruh negara kita ini telah membuat permohonan dan sebahagian besar telah diberi kelulusan. Kalau ada yang tidak dapat kelulusan, ini mungkin kerana mereka tidak mengemukakan permohonan yang lengkap iaitu ada sebahagian dokumen yang mereka tidak hantar kepada Kementerian saya.

**PENDATANG HARAM—  
KEMASUKAN**

**13. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Dalam Negeri memberi satu laporan yang terbaru mengenai masalah pendatang haram, jumlah yang masih berada dalam negara, negara asal mereka serta menyatakan sama ada Task Force VII sedang "tidur" dalam menjalankan tugasnya untuk memberhentikan kemasukan pendatang haram.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa memandang berat dan mengambil tindakan yang serius serta tegas terhadap mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram. Tanda-tanda menunjukkan bahawa jumlah kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini kini sudah berkurangan.

Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberi maklumat mengenai jumlah-jumlah pendatang haram yang berada di Malaysia sekarang, oleh kerana kemasukan mereka ke negara ini dan kehadiran mereka di sini adalah secara haram. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri mempunyai bilangan pendatang haram yang telah ditangkap dan diusir dari negara ini. Sebagai contoh, dari bulan Januari 1987 sehingga akhir bulan September 1987

sejumlah 14,598 orang pendatang haram telah diusir dari negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak timbul tentang Pasukan Petugas VII tidur atau tidak tidur, yang tidur mungkin Yang Berhormat sendiri kerana tidak ambil tahu (*Tepuk*) bahawa Pasukan Petugas VII hanya bertanggungjawab untuk mengawal kemasukan pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini dan ianya tidak terlibat dalam tindakan mencegah pendaratan atau pengusiran pendatang-pendatang haram dari negara-negara lain.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hairan dan terkejut dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan Task Force VII ialah untuk menjaga pendatang haram dari Vietnam. Saya ingat dan saya tahu iaitu bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri pun ada berkata satu daripada duty Task Force VII itu ialah untuk menjaga, mencegah kemasukan pendatang haram dari Indonesia dan lain-lain tempat, dalam *Hansard* ada tulis kalau tidak percaya.

Soalan tambahan. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat soalan tambahan, jangan komen.

**Dr Chen Man Hin:** Itulah saya mahu defend diri saya sendiri. (*Tepuk*)

Saya mahu bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri adakah beliau faham dan tahu di pantai Port Dickson pada waktu malam ada pendatang haram sampai ke pantai Port Dickson di banyak point. Barangkali beliau tidak faham dan tidak tahu kerana tiada cukup bot-bot peronda apabila Selat Melaka menjadi satu highway di antara Indonesia dan Malaysia.

Yang kedua, adakah pihak Kementerian mempunyai satu undang-undang untuk employers bagi mencegah memberi pekerjaan kepada pendatang haram, misalnya di plantations, estet-estet atau di ladang-ladang besar. Adakah undang-undang untuk menghalang mereka?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat setelah saya selidik Pasukan Petugas VII hanya dikhaskan untuk menjaga pendatang-pendatang haram Vietnam.

Yang kedua, saya harap tolonglah Yang Berhormat catatkan semua pengkalan-pengkalan dan kampung-kampung yang Yang Berhormat tahu di kawasan Port Dickson yang dianggap sebagai tempat pendatang-pendatang haram masuk supaya senang pihak Kementerian saya mengambil tindakan.

Mengenai undang-undang pula, ingin saya nyatakan di sini bahawa mana-mana orang yang memasuki ke negara ini secara haram telah melakukan kesalahan dan sekiranya kesalahan ini disabitkan oleh mahkamah, hukumannya ialah didenda tidak melebihi \$2,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

Yang ketiga, mana-mana orang yang bersyubahat termasuklah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi mungkin ada taukeh-taukeh atau tuan-tuan ladang dengan pendatang haram iaitu dengan cara menolong, mengatur dan memberi perlindungan pendatang-pendatang haram dan melakukan kesalahan. Sekiranya kesalahan itu disabit oleh mahkamah, hukumannya ialah didenda tidak melebihi \$2,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana soal

pendatang haram ini selalu disuarakan, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, boleh ataupun tidak pendatang haram yang ada sekarang ini yang telah sedia ada iaitu pendatang haram Vietnam ini dikeluarkan terus daripada negara kita ini, sama ada di Kuala Lumpur atau Pulau Bidong dan juga pendatang-pendatang haram yang lain supaya tidak ada berbangkit lagi ada alasan daripada pihak-pihak lain menyatakan "ada udang di sebalik batu".

**Dato' Megat Junid Ayob bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, adalah senang untuk kita bercakap, tetapi adalah sukar untuk kita melaksanakannya. Kita mengetahui dari akhbar-akhbar, dari kenyataan-kenyataan yang ada bagaimana pendatang-pendatang haram ini telah dapat masuk ke perairan kita, kadang-kadang di tengah malam, subuh, memanjat pelantar minyak kita dan sebagainya. Maka kita terpaksa menempatkan mereka di Pulau Bidong dan juga di Sungai Besi menunggu negara yang ketiga.

Masalah yang kedua ialah pendatang haram di negara-negara lain yang masuk secara senyap-senyap, secara sembunyi-sembunyi dan kadangkala sebagaimana yang Berhormat dari Seremban kata ada pihak-pihak pula yang membantunya, inilah yang menyebabkan kerumitan kepada pihak Kerajaan. Kalau sekiranya kita tahu yang iaitu pendatang haram, kita tangkap, kita usir sahaja keluar, tetapi oleh kerana negara kita berhampiran sangat, kadang-kadang tidak sampai dalam masa dua jam, yang kita usir itu boleh kembali ke negara kita. Inilah masalah-masalah yang kita hadapi. Namun begitu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk membentasi keadaan yang tersebut. Terima kasih.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedia

maklum bahawa Pasukan Petugas VII itu amat cekap dalam mengawal kemasukan pelarian Vietnam.

Saya ingin mengetahui sama ada Kerajaan bercadang untuk menggunakan Pasukan Petugas VII itu, jika perlu, untuk mengawal kemasukan pendatang haram di Pantai Barat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kerajaan belum lagi tertikir untuk berbuat demikian.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan perbezaan kerana soalan Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai tadi seolah-olah pelarian haram Vietnam itu juga dipanggil pendatang haram, Adakah ini betul atau tidak?

Yang keduanya, sekiranya sama-sama pendatang haram dan kalau negara ketiga langsung tidak mahu menerima pelarian haram ini yang kita hantar, jadi apa yang kita hendak buat sepanjang hidup mereka di negara kita ini.

Yang ketiga, adakah orang-orang kampung diberi kuasa untuk menangkap pendatang-pendatang haram atau dengan cara memberi hadiah dan sebagainya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan yang pertama mengenai pelarian haram dengan pendatang haram—memang ada perbezaan di antara pelarian haram dengan pendatang haram. Pelarian haram ini kita anggap yang terpaksa lari kerana keseksaan yang amat sangat di negara asal dan dia hanya menumpang di negara kita menunggu untuk pergi ke negara yang ketiga. Pendatang haram ialah yang datang ke negara ini semata-mata kerana ekonomi, hendak cari makan

dan selalunya jarang-jarang hendak balik ke negara asalnya.

Soalan yang kedua, apa kita hendak buat kepada pelarian ini kalau sekiranya negara ketiga tidak mengambinya, ini terpulang kepada Bangsa-bangsa Bersatu untuk menentukan kerana segala apa yang berlaku di Pulau Bidong dan di Sungai Besi itu ditanggung oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Soalan ketiga ini saya telah lupa Yang Berhormat.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Memberi kuasa dan hadiah kepada orang kampung.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Ya, memberi hadiah. Sebenarnya Yang Berhormat, kita tahu di kampung-kampung ada JKKK yang dipertanggungjawabkan dan mereka diberi elaun dan sebagainya sebagai rakyat yang bertanggungjawab, saya fikir kita ketepikan tentang hadiah tetapi gunakan tanggungjawab kita untuk menjaga keamanan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Datuk Bernard Giluk Dompok.

*(Soalan No. 14 Y.B. Datuk Bernard Giluk Dompok tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah tidak hadir).*

#### KETUA POLIS KEDAH/PERLIS— PERTUKARAN

**16. Dato' Zainal Abidin bin Johari** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pertukaran Ketua Polis Kedah (yang baharu sahaja ditukar ke Kedah) ada kaitan

dengan turun pangkat menjadi Timbalan Pengarah Anti-Narkotik dan berikan sebab pertukaran.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bekas Ketua Polis Kedah/Perlis yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat telah ditukarkan ke Bukit Aman sebagai Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Cawangan Anti Dadah). Pertukarannya adalah satu pertukaran biasa yang dilakukan atas kepentingan perkhidmatan.

**Dato' Zainal Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya mahu melupakan peristiwa 24hb April dan biarlah ianya ditelan oleh masa dan menjadi catatan sejarah politik negara, tetapi oleh kerana angin begitu kencang di Kedah khususnya daripada pasukan Polis sendiri, saya ingin mengemukakan soalan adakah pertukaran ini disebabkan oleh pertandingan regu A dan regu B yang baru-baru lalu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Ahmad.

*(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Ghazali bin Ahmad tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Hsing Yin Shean.

*(Soalan No. 18 Y.B. Tuan Hsing Yin Shean tidak hadir).*

#### BEKALAN ELEKTRIK DI LUAR BANDAR

**19. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Menteri sedar bahawa kelambatan projek-projek bekalan elektrik di luar bandar, Apa yang dapat difahamkan disebabkan

tidak ada pembekalan dawai yang cukup. Apakah tindakan Menteri untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek bekalan elektrik luar bandar telah bermula sejak tahun 1956. Sehingga tahun ini lebih kurang 11,394 kampung dan 802,299 keluarga telah mendapat bekalan elektrik dengan perbelanjaan peruntukan sebanyak \$1.2billion.

Walaupun begitu, ada lebih kurang 500,000 keluarga luar bandar yang ada lebih kurang 8,700 kampung yang belum lagi mendapat bekalan elektrik. Ini memerlukan peruntukan sebanyak lebih kurang \$1.2 billion. Adalah diharapkan bahawa pada tahun 1995, 95% kawasan luar bandar akan mendapat bekalan elektrik dan keseluruhannya pada tahun 2,000 nanti.

Merujuk kepada soal kelambatan ataupun kelewatan pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar, ingin saya maklumkan bahawa keiewatan tersebut kadangkala disebabkan oleh masalah mendapatkan laluan talian, masalah untuk mendapatkan tanah, untuk mendirikan pencawang. Walaupun begitu adalah diakui sebahagian daripada sebab kelambatan itu ialah oleh kerana beberapa bulan kebelakangan ini terdapat kurang bekalan bahan. Walaupun begitu langkah-langkah telah diambil oleh pihak Lembaga Letrik Negara untuk mengatasi masalah bekalan bahan.

**Tuan Hashim bin Safin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Antara masalah yang menyebabkan kelewatan bekalan elektrik ke luar bandar ialah masalah berbangkit sama ada sosial atau politik adalah penahanan laluan pendawaian oleh pihak-pihak tertentu. Apakah Kementerian ataupun Menteri boleh

mengambil tindakan untuk menggantung atau menahan mereka yang terlibat menahan laluan tadi hingga menjejaskan pembekalan api kepada projek berkenaan?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang berbangkit daripada perlunya laluan talian ini memerlukan kerjasama di antara ahli-ahli masyarakat tempatan yang berkenaan dan juga Penguasa Tempatan sama ada ianya di peringkat Jabatan Daerah ataupun Majlis Mesyuarat Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian dan khususnya Lembaga Letrik Negara mengharapkan sangat supaya wujud kerjasama di antara ahli-ahli masyarakat yang berkenaan yang terlibat dan juga Penguasa-penguasa Tempatan supaya bekalan elektrik dapat disampaikan kepada masyarakat di merata kawasan luar bandar supaya mereka dapat bersama-sama merasakan kemudahan asas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14, 15, 17, 18, dan 20 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).*

#### **JABATAN PESAKIT LUAR HOSPITAL RATU ELIZABETH**

**14. Datuk Bernard Giluk Dompok** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keadaan di Jabatan Pesakit Luar (JPL) Hospital Ratu Elizabeth Kota Kinabalu kurang memuaskan, dan sama ada Kementerian beliau bercadang membina sebuah bangunan yang baru untuk menampung keperluan JPL yang kian menambah.

**Dato' K. Pathmanaban:** Kementerian Kesihatan memang sedar akan keadaan di Jabatan Pesakit

Luar (JPL) Hospital Ratu Elizabeth, Kota Kinabalu dan telah pun mengambil beberapa tindakan untuk meninggikan lagi taraf perkhidmatan di Jabatan berkenaan seperti membuka lebih banyak lagi kaunter dan kegunaan sistem panggilan digital.

Untuk menggantikan Jabatan Pesakit Luar yang ada sekarang, Kementerian telah pun bercadang untuk membina satu bangunan baru yang diberi nama Klinik Anika (Polyclinic). Klinik ini akan mengandungi komponen-komponen seperti Jabatan Pesakit Luar Am, Klinik-klinik Kepakaran, Jabatan-jabatan sokongan seperti Makmal, X-Ray, Farmasi dan sebagainya. Klinik ini telah pun dicadang untuk dibina dalam masa Rancangan Malaysia Kelima tetapi terpaksa ditangguhkan oleh sebab keadaan ekonomi negara sekarang.

#### **PELAJAR ANJURAN KERAJAAN DI LUAR NEGERI**

**15. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah ramai pelajar Malaysia yang menuntut di seberang laut yang dibiayai oleh Kerajaan atau agensi Kerajaan dan berapakah jumlah wang yang diperlukan untuk menghantar pelajar-pelajar ini hingga tamat pengajian mereka. Memandangkan kos yang agak besar dan masalah graduan yang menganggur begitu serius di negara ini adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan biasiswa dan menghadkan pelajar-pelajar mengikuti kursus-kursus yang tertentu sahaja.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat seramai 17,797 pelajar anjuran Kerajaan atau agensi Kerajaan yang sedang berada di institusi pengajian tinggi di seberang laut.

Jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk membiayai mereka sehingga tamat pengajian ialah berjumlah \$1,574.85 juta. Kerajaan telah memutuskan untuk mengurangkan penghantaran pelajar tajaan ke luar negeri dan pelajar-pelajar hanya dihantar ke luar negeri bagi mengikuti kursus-kursus yang tidak terdapat di universiti-universiti tempatan atau bagi kursus-kursus yang tempatnya sangat terhad yang dapat disediakan oleh universiti-universiti tempatan.

#### **SUBSIDI JUALAN PADI**

**17. Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) kenapakah LPN amat sukar membayar subsidi jualan padi petani-petani yang hasil padinya baik melebihi 10 guni serelung tanah.
- (b) apakah benar-benar subsidi padi dibayar terus kepada petani yang mengerjakan sawah dan apakah satu kawalan yang dibuat oleh LPN supaya subsidi padi tidak dibuat kepada padi-padi yang diseludupkan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**

- (a) Adalah tidak benar bahawa LPN sukar membayar subsidi jualan padi kepada petani-petani yang menjual hasil padi lebih daripada yang dianggarkan olehnya sebelum musim menuai dimulakan. Siasatan terpaksa dibuat oleh LPN jika hasil itu terlalu jauh bezanya dengan anggaran. Ini ialah untuk mengelakkan penipuan dan penyelewengan. Siasatan itu biasanya dibuat terus dibendang dan biasanya selesai dalam tempoh seminggu. Jika siasatan membuktikan padi tersebut benar-benar usaha pesawah maka subsidi akan terus dibayar.

(b) Tujuan Skim Subsidi Padi ialah untuk membantu petani-petani menambahkan pendapatan mereka. Pada umumnya subsidi tersebut memang dibayar terus kepada petani-petani apabila mereka menunaikan kupon masing-masing. Bagi mengelakkan subsidi padi tidak dibayar kepada padi-padi yang diseludup, kawalan-kawalan berikut dibuat:

- (i) Kegiatan kilang-kilang swasta sentiasa diawasi dari segi rekod stok padi, kisan, punca-punca perolehan padi dan jualan beras;
- (ii) Pintu masuk padi-padi seludup sentiasa dikesani dan diawasi oleh Unit-unit Pencegah Penyeludupan;
- (iii) Setiap pesawah yang menjual hasil padinya melebihi dari anggaran hasil yang tercatat dalam Buku Daftar Pesawah akan disiasat dari mana punca padi tersebut diperolehi, Bayaran subsidinya ditahan sehingga siasatan membuktikan padi-padi tersebut benar-benar diusahakannya sendiri.

### SKIM KHIDMAT SAMBILAN BAGI GRADUAN

18. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapakah sejak bulan Julai tahun ini perkhidmatan sebilangan dari 4,000 graduan yang bekerja di bawah skim sementara Kerajaan dikenakan syarat-syarat seperti tempoh perkhidmatan mereka dikaji semula berdasarkan dari bulan ke bulan. Berapakah jumlah graduan-graduan yang masih bekerja di bawah skim ini pada masa kini bagi negeri-negeri di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan berapa lamakah syarat-syarat baru

ini sah dan sama ada Kementerian beliau akan menimbangkan untuk mengambil lebih ramai graduan-graduan yang menganggur bekerja di bawah skim ini.

#### Tuan Anwar bin Ibrahim:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan perkhidmatan Skim Khidmat Sambilan itu perlu dikaji dari sebulan ke sebulan memastikan bahawa ianya benar-benar memberi manfaat kepada Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang menggunakannya. Dengan mengikuti perkembangan skim ini dari dekat maka keputusan lebih mudah dibuat sama ada mahu meneruskan atau memberhentikan pada masa-masa yang difikirkan sesuai.

(b) Sehingga 1-10-87, bilangan siswazah-siswazah yang masih berkhidmat di bawah skim ini di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak ialah seperti berikut:

(i) Negeri-negeri Se- raenanjung	2,783
(ii) Sabah . . .	101
(iii) Sarawak .. ..	35
JUMLAH ..	2,919

(c) Kedudukan skim ini akan ditentukan dari masa ke masa berdasarkan kajian yang dibuat. Jadi skim ini akan kekal sehingga satu keputusan diambil untuk menamatkannya.

(d) Kerajaan tidak bercadang mengambil lebih ramai siswazah-siswazah yang menganggur untuk menyertai skim ini. Malahan bilangan yang sedia ada sedang dikurangkan secara perlahan-lahan.

### KURSUS A LEVEL DI KOLEJ PENGAJIAN PERSEDIAAN

20. **Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Pendidikan menerangkan sama ada beliau sedar bahawa hanya 50% sahaja pelajar-pelajar yang mengikuti program A Level yang dijalankan oleh Kelas Persediaan Pengajian ITM berjaya dalam peperiksaan mereka baru-baru ini. Adakah beliau sedar bahawa di antara sebab-sebab kegagalan itu ialah kerana pelajar-pelajar itu diajar oleh pensyarah-pensyarah sambilan yang tiada pengalaman dan kelayakan sebenar, tidak boleh menyampaikan pelajaran dengan jelas dalam bahasa Inggeris dan tidak membuat persediaan mengajar dengan rapi dan teratur. Mengapa ITM tidak membuat perancangan dan mengadakan strategi pelaksanaan yang teratur dan berkesan memandangkan program ini sangat penting.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pengajaran Kursus A Level di Kolej Pengajian Persediaan (KPP) secara am adalah baik. Kumpulan pertama seramai 157 orang pelajar yang menduduki peperiksaan pada bulan Jun, 1986 selepas tempoh pengajian selama 2 1/2 tahun telah mencapai kelulusan sebanyak 80%. Kumpulan kedua seramai 517 orang pelajar menduduki peperiksaan pada bulan Jun, 1987 selepas tempoh pengajian selama 2 tahun telah mencapai kelulusan sebanyak 51%.

Pertambahan pelajar dari 157 kepada 517 tentulah memerlukan pertambahan bilangan pensyarah yang besar dan ini menyebabkan kemerosotan kualiti pensyarah. Memanglah sukar mendapatkan pensyarah yang berpengalaman mengajar A Level kerana program ini merupakan suatu fenomena baru di negara ini, walau bagaimanapun pensyarah ini mempunyai kelayakan mengajar A Level.

Semua pensyarah diambil secara separuh masa dan bukan secara tetap atau kontrak. Sistem ini tidak menggalakkan proses pembelajaran yang berterusan. Pelajaran sering terganggu apabila pensyarah-pensyarah berhenti kerja dengan memberi tempoh seminggu dan pelajar-pelajar terpaksa mengubahsuaikan diri kepada keadaan yang baru.

Di antara cadangan dan langkah-langkah yang perlu diambil ialah:

- (i) Memilih pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang cemerlang.
- (ii) Menjalankan tempoh pengajian selama 2 1/2 tahun iaitu 1/2 tahun bagi kursus Bahasa Inggeris dan 2 tahun bagi kursus A Level.
- (iii) Melaksanakan sistem pengambilan pensyarah secara kontrak mulai Januari 1988.
- (iv) Mendaftarkan Pelajar KPP untuk mengambil peperiksaan A Level dengan lain-lain Lembaga seperti Associated Education Board (AEB) dan Cambridge selain daripada University of London Schools Examination Board (ULSEB).

### PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM

21. **Tuan Muhamad bin Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan selepas pelancaran operasi penangkap ikan laut dalam Malaysia-Thailand iaitu pada 19 September, 1987 di Pelabuhan Kuantan, Pahang.

- (a) berapa ramai nelayan Malaysia yang terlibat dengan usahasama penangkapan ikan di laut dalam tersebut; dan
- (b) berapa banyakkah hasil ikan yang ditangkap melalui operasi yang berkenaan sehingga ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**

- (a) Projek perikanan yang dilancarkan pada 19 September, 1987 di Kuantan adalah projek kerjasama perikanan di antara syarikat tempatan dengan syarikat di Thailand, bukannya projek usahasama. Kerjasama itu hanya meliputi bidang pemasaran, penukaran kepakaran dan pemindahan teknologi sahaja. Dalam projek tersebut, nelayan-nelayan Malaysia yang terlibat ialah seramai 50 orang.
- (b) Jumlah tangkapan yang dihasilkan oleh bot-bot yang dimiliki oleh Syarikat K & I Industries (M) Sdn Bhd sehingga 27hb Oktober, 1987 ialah 1131.191 Tan Metrik.

**SEMINARIKRISTIAN**

**22. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan telah tidak membenarkan penubuhan Seminari Kristian (Basel Church of Malaysia) di Sabah, jika benar, apakah sebab-sebabnya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak pernah menerima sebarang permohonan untuk menubuhkan sebuah Seminari Kristian (Basel Church of Malaysia) di Sabah. Oleh itu perkara penolakan tersebut tidaklah berbangkit.

**MEMILIKIBOT SENDIRIBAGI  
NELAYAN**

**23. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan bercadang membenarkan pengusaha-pengusaha persendirian membeli bot dari Thailand bagi menjalankan

perusahaan penangkapan ikan laut dalam, sebagaimana Kerajaan membenarkan Syarikat K & I Kasim dan Idrus membeli bot yang telah siap dibina dari Thailand, melalui SKIM Pemusatan Kredit Pertanian dan Perikanan (SPKP).

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** SPKP disediakan adalah sebagai punca untuk nelayan-nelayan mendapatkan modal untuk memiliki bot sendiri sama ada bot baru atau terpakai. Oleh itu mereka boleh membeli bot-bot yang telah siap dibina di luar negeri melalui skim tersebut jika mendapat kebenaran. Syarat dikenakan iaitu bot tersebut hendaklah besar dan sofistikated sama ada dari segi operasi atau peralatan yang digunakan untuk menangkap ikan yang spesifik sahaja seperti tuna dan sebagainya.

**PENJENAYAH ROGOL**

**24. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan akan mengambit langkah segera mengetatkan lagi hukuman bersabit dengan kesalahan yang dilakukan oleh penjenayah rogol sama ada yang dilakukan ke atas kanak-kanak perempuan bawah umur atau dewasa supaya dapat menyekat kejadian yang berlaku berleluasa sekarang.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah saya jawab bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 12-10-1987 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

**HUKUMAN ATAS PEROGOL**

**25. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada memandangkan meningkatnya insiden-insiden

keganasan seks terhadap kaum-kaum perempuan dan kanak-kanak:

- (i) Kementerian akan mengambil kira mengenakan hukuman minima selama 5 tahun dan rotan sebanyak 5 kali terhadap perogol seperti yang telah disyorkan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita;
- (ii) Beliau akan mengesyorkan kepada Kerajaan bahawa satu Jawatankuasa Kabinet akan ditubuhkan bagi mengkaji semua aspek-aspek masalah yang ada hubung kait dengan keganasan seks ke atas kaum perempuan dan kanak-kanak perempuan dan kemudiannya mengesyorkan langkah-langkah yang harus diambil oleh Kerajaan supaya menjadikan negara ini selamat kepada kaum-kaum perempuan dan kanak-kanak perempuan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah saya jawab bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 12-10-1987 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

#### **PETRONAS—STESYEN MINYAK PETROL**

**26. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan kegiatan "downstream" Petronas dalam menyertai jualan minyak petrol dengan memberi butir-butir kegiatan termasuk bilangan stesyen minyak petrol di seluruh negara sehingga 30-9-1987.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** PETRONAS, melalui anak syarikatnya PETRONAS Dagangan Sdn Bhd, telah melibatkan diri di dalam aktiviti hiliran atau

"downstream" melalui pemasaran bahan-bahan keluaran petroleum seperti gasolin, diesel, kerosin, minyak bahanapi, gas petroleum cecair (LPC), pelincir dan minyak kapalterbang. Bahan-bahan ini dipasarkan secara terus kepada pengguna atau melalui wakil-wakil penjual yang dilantik oleh PETRONAS Dagangan Sdn Bhd.

Kedudukan bilangan stesen minyak PETRONAS di seluruh negara sehingga 30 September, 1987 adalah seperti berikut:

(a) Telah siap beroperasi ..	193
(b) Telah siap dibina tetapi belum beroperasi	9
(c) Dalam penngkat perancangan dan pembmaan	65
<b>JUMLAH</b>	<b>267</b>

#### **BAHASA INGGERIS DIRTM 2**

**27. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada rancangannya menambahkan program-program Inggeris di RTM 2 bertujuan meningkatkan kegunaan Bahasa Inggeris akan membentangi rancangan lainnya yang memastikan semua program-program RTM 1 menggunakan hanya Bahasa Malaysia sahaja; mengapa RTM 1 dan RTM 2 yang sekarang ada program-program campuran Bahasa Malaysia dan Inggeris juga, bukanlah usaha-usaha ini sia-sia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** RTM mengamalkan Dasar Bahasa di mana Bahasa Malaysia merupakan bahasa Utama dan merupakan Bahasa Perpaduan selaras dengan Dasar Bahasa Malaysia sebagai Bahasa rasmi. Bahasa Inggeris juga diberi keutamaan selaras dengan dasar bahasa itu sebagai bahasa kedua dan bahasa Antarabangsa. RTM juga

tetap akan menggunakan bahasa-bahasa lain untuk tujuan perhubungan.

Untuk memenuhi tujuan Kementerian Penerangan bagi mencapai Dasar Bahasa, RTM akan menambahkan rancangan-rancangan dalam Bahasa Malaysia secara berperingkat-peringkat sehingga RTM 1 akan menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya sementara RTM 2 akan dijadikan saluran yang menggunakan Bahasa Inggeris dan Bahasa-bahasa lain dengan penekanan terhadap penggunaan Bahasa Inggeris. Sehingga itu Bahasa Inggeris tetap digunakan juga di RTM 1 sehingga matlamat menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya di RTM 1 tercapai.

Dengan hal yang demikian penggunaan Bahasa Inggeris di RTM 1 dan RTM 2 di masa ini tidaklah sia-sia. Ia merupakan keperluan sebelum RTM 1 dapat menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dibacakan Kali Yang Kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat

ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (*5hb Oktober, 1987*)

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh untuk menyambung ucapannya.

*4.08 ptg.*

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasek Chenderoh):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyambungkan ucapan saya semalam.

Semalam saya menyentuh mengenai masalah icekacauan ataupun ketegangan kaum yang berlaku sekarang ini. Saya mengatakan adalah tidak adil dan tidak berasas sama sekali apabila kita menuduh kepada pasukan Polis seperti yang dilakukan oleh beberapa orang anggota DAP di Dewan ini kononnya tindakan polis itu ialah untuk melemahkan parti pembangkang. Saya katakan lihatlah bacalah senarai mereka yang ditahan itu, adakah terdiri daripada anggota-anggota DAP sahaja? Bukankah terdapat nama dari berbagai-bagai kumpulan termasuk penyokong-penyokong kuat Kerajaan khususnya 3

orang anggota EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Dengan yang demikian dimanakah lojiknya tuduhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa hairan mengapa beberapa orang anggota DAP di Dewan ini nampaknya mereka telah hilang kesabaran. Mengapakah terjadi demikian? Sebenarnya mereka sedang digodai oleh penyakit kecewa yang dialami selepas keputusan Pilihanraya kebangsaan yang diumumkan pada 3hb Ogos, 1986 yang lalu.

Hakikat ini dapat dilihat dan dikesan daripada telatah ucapan dan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan secara melulu oleh kebanyakan anggota DAP termasuk PAS di Dewan yang mulia ini terhadap Kerajaan. Khususnya bersabit dengan penahanan beberapa orang pemimpin-pemimpin mereka baru-baru ini. Umpamanya ada yang mendakwa kononnya penangkapan ke atas pemimpin-pemimpin mereka itu adatah tidak wajar dilakukan kerana mereka hanyalah menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, ungkapan menjalankan tugas dan tanggungjawab ini tidaklah boleh dijadikan hujah untuk menghalalkan segala perbuatan dan tindakan. Saya katakan begitu kerana lanun-lanun yang mengganas di laut yang merompak, membunuh mangsanya dengan kejam pun boleh mendakwa bahawa mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh ketua-ketua mereka.

Apakah hujah atau alasan ini boleh menghalalkan lanun-lanun itu terus mengganas dengan kejam dan tidak berperikemanusiaan itu, kanak-kanak sekolah rendah pun tahu jawabannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan DAP dan PAS ini keciwa kerana walaupun sekarang mereka berjaya

memenangi 25 kerusi, DAP 24 kerusi, PAS 1 kerusi di Dewan Rakyat tetapi kemenangan itu boleh dikatakan kemenangan di dalam kekalahan. Saya katakan begitu kerana tujuan utama DAP dan PAS menyertai pilihanraya kebangsaan Ogos, 1986 yang lalu, yang pertama ialah untuk menyekat kemenangan majoriti dua-pertiga oleh Barisan Nasional di Dewan Rakyat dan di semua Dewan Perhimpunan Undangan Negeri di seluruh negara. Ini tujuan yang pertama. Tujuan yang kedua, DAP dan PAS masing-masing berkeyakinan untuk menguasai salah sebuah negeri di Semenanjung ini, iaitu DAP di Pulau Pinang sebab itulah tokoh utamanya berpindah dari Melaka ke Pulau Pinang. Manakala PAS pula di Kelantan, kerana pemimpin-pemimpin PAS dalam kempen pilihanraya di kawasan saya, saya minta izin untuk menyebut loghat Kelantan, dia kata, "Kelante dalam tange". Inilah ucapan pemimpin-pemimpin PAS dalam kempen pilihanraya di kawasan saya.

Untuk mencapai hasrat ini mereka sanggup mengadakan pakatan bersama walaupun dasar perjuangan di antara dua buah parti amat berbeza, ibarat langit dengan bumi. Tetapi mereka mempunyai titik persamaan dari segi strategi seperti yang saya nyatakan tadi. Senjata yang digunakan oleh kedua-dua parti ini hampir-hampir sama. Misalnya, DAP menggunakan bom-bom fitnah dan roket-roket perkauman. Manakala PAS pula menggunakan bom fitnah dan beberapa slogan-slogan, di antaranya, yang paling lumrah digunakan: pertama, menentang kezaliman. Yang kedua, PAS parti Allah, ketiga, menentang Kerajaan taghud. Kawasan sasarannya berbeza.

DAP meledakkan bom fitnah dan roket perkaumannya di kawasan pengundi-pengundi Cina. Manakala PAS pula meledakkan bom fitnahnya

dan mengumandangkan slogannya dengan lantang dan dengan senyaringnyaringnya di kawasan pengundi-pengundi Melayu.

Kemudian disusuli pula dengan sepanduk-sepanduk yang bertulis dengan slogan-slogan itu di kampung-kampung di seluruh pelusuk tanahair. Intipati dari pakatan DAP itu ialah DAP mesti memenangi sekurang-kurangnya 20 kerusi di Dewan Rakyat dan PAS dikehendaki merebut sekurang-kurangnya 40 buah kerusi. Dengan kemenangan 60 buah kerusi di Dewan Rakyat ini, bermakna mereka berjaya menahan kemenangan majoriti dua pertiga Barisan Nasional di Dewan Rakyat ini. Tetapi dengan kemenangan hanya 25 buah kerusi DAP 24 dan PAS 1, bererti mereka telah keciwa. Siapakah yang telah mengecewakan mereka? Jawabnya, sesama mereka, iaitu PAS dengan memenangi satu buah kerusi di Dewan Rakyat, bermakna PAS mengecewakan DAP, rakan karibnya sendiri. Akibatnya nasib yang diterima oleh DAP hasil daripada pakatan PAS dan DAP seperti kata pepatah Melayu, ayam terlepas tangan bahu tahi.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, manakala di Dewan Perhimpunan Undangan Negeri pula kedua-duanya gagal untuk menyekat kemenangan majoriti dua pertiga oleh Barisan Nasional di semua Dewan Perhimpunan Undangan Negeri seluruh negara dan sekaligus menghampakan harapan masing-masing untuk memerintah Pulau Pinang dan Kelantan. Nasib yang dialami oleh kedua-dua pihak samalah seperti kata pepatah Melayu sudah jatuh ditimpa tangga. Namun demikian, DAP lebih bernasib baik daripada PAS kerana berjaya menambah beberapa orang anggotanya di Dewan Rakyat dan di Dewan Negeri, tetapi PAS semakin

berkurangan sama ada di Parlimen mahupun di Dewan Perhimpunan Undangan Negeri, jika dibandingkan dengan keputusan pilihanraya pada tahun 1982 yang lalu. Jadi nasib PAS ini samalah seperti kata pepatah Melayu yang dikejar tidak dapat, yang dikendeng bercirikan. Walaupun mereka dapat undi banyak lebih kurang 700,000 tetapi yang berjaya seorang sahaja di Parlimen. Kata pepatah Melayu, alah sabung menang sorak, Sekadar itulah kejayaan PAS.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang beriak itu benar-benar telah memberikan satu kejutan semangat yang cukup hebat kepada DAP sebab itulah mereka mudah melatah dan hilang kesabaran apabila bersua dengan sesuatu keadaan. Mereka sentiasa didorong oleh dendam kesumat yang bermaharajalela di dalam hati sanubari. Hakikat ini terbukti apabila terdapat mana-mana pihak yang menentang dasar-dasar Kerajaan seperti Aliran yang berani berkokoh di luar gelanggang politik. Merekalah orang yang pertama yang menyatakan sokongan dan seterusnya membesar-besarkan sehingga menjadi satu isu semasa seperti yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri semasa membuat kenyataan mengenai keselamatan atas sifatnya Menteri Dalam Negeri di Dewan yang mulia pada 28hb Oktober yang lalu— yang tidak perlu saya ulangi. Tindakan mereka itu samalah seperti kata pepatah Melayu, membujur lalu melintang patah. Malah kadang-kadang, tunggul pun disangkanya hantu. Inilah watak yang terdapat di dalam tubuh DAP, kadang-kadang diikuti oleh PAS.

Sebagai rakan seperjuang saya nasihatkan kepada anggota-anggota DAP dan PAS perkara yang lepas tak usahlah dikenang, esok masih ada, dunia belum kiamat lagi, insya Allah. Bertenanglah dan bersabarlah, kalaupun ada cita-cita untuk

memerintah mana-mana salah sebuah negeri di negara ini tunggulah gilirannya, jangan bertindak secara melulu. Insafilah diri, kita bukan Malaikat, kita manusia. Sebagai manusia sudah pasti tidak sunyi daripada kelemahan dan kesalahan atau kesilapan. Janganlah kuman di seberang laut nampak tetapi gajah di bihir mata tidak nampak.

Dalam keadaan sekarang apa yang perlu difikirkan bagaimana kita semua yang mengaku Mataysia tanahairnya dapat memberikan apa-apa sumbangan ke arah usaha memulihkan keamanan dan mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara yang masih lembap ini, kerana ianya menyentuh kepentingan rakyat dan negara seluruhnya. Di samping memahami dan menghayati budaya hidup masyarakat berbagai kaum di negara ini, perkara-perkara sensitif seperti yang telah banyak diperbincangkan di Dewan yang mulia ini janganlah dibangkit dan diungkit, kerana perbuatan itu samalah seperti, menjolok sarang tebuhan atau mengusik harimau yang sedang tidur. Jika ianya dilakukan maka buruklah padahnya. Marilah kita merenung ke hadapan, dengan seribu harapan iaitu untuk memberikan apa sahaja sumbangan ke arah pembinaan sebuah negara yang aman, makmur dan bahagia untuk menjadi kebanggaan generasi kita di masa hadapan. Tindakan itu amat wajar sebagai sifat menyatakan rasa kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. yang telah mencucuri rahmat dan nikmat yang melemah ruah kepada kita di Malaysia ini.

Di antaranya rahmat yang paling ketara, negara kita dilindungi daripada malapetaka yang pernah mengorbankan nyawa dan harta-benda, dilindungi dengan malapetaka alam yang menggerunkan itu, negara kita dilimpahi dengan udara yang nyaman lagi menyegarkan, di samping

kaya dengan pemandangan alam semula jadi yang cantik dan menarik serta hasil bumi yang melimpah ruah.

Apakah wajar kita mensia-siakan nikmat Allah itu dengan menimbulkan berbagai isu yang boleh mempurak-purandakan rakyat dan negara seluruhnya. Ingatlah! Allah pernah berfirman yang artinya:

Barang siapa yang syukurkan nikmatKu, akan ditambah berlipatganda, tetapi siapa yang kufurkan nikmatKu terimalah azab yang pedih.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah kemiskinan, saya melihatkan kepada Belanjawan 1988, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memperuntukkan sebanyak \$4.2 ribu juta ataupun 2/3 daripada belanja pembangunan untuk memerangi kemiskinan dalam tahun 1988. Kemiskinan adalah salah satu musuh yang mesti diperangi dengan bersungguh-sungguh agar kesengsaraan dan penderitaan yang mencengkam kehidupan rakyat dapat dilepaskan. Dalam hubungan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana sejak dahulu lagi beberapa langkah positif telah diambil menerusi penggabalan beberapa dasar negara dan mewujudkan beberapa akta ke arah pelaksanaan dasar-dasar tersebut.

Di antara dasar yang dimaksudkan itu ialah Dasar Ekonomi Baru. Dasar ini bertujuan untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum menerusi strategi serampang dua mata:

- (i) membasmi kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum;
- (ii) untuk menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut lungsi ekonomi dan kedudukan kawasan.

Tugas dan tanggungjawab ini telah ditetapkan untuk dicapai dalam tempoh dua dekad atau 1970 sehingga 1990. Kita bersyukur ke hadrat Allah subhanahuwataala kerana dalam tempoh 15 tahun (1970 hingga 1984) dasar ini telah dilancarkan, kadar kemiskinan di Semenanjung secara keseluruhannya telah berjaya dikurangkan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 18.4% pada tahun 1984, seperti yang tercatat dalam buku Rancangan Malaysia Kelima, Jadual 3-1.

Pada waktu pelancaran Dasar Ekonomi Baru itu dibuat kedudukan harga barangan komoditi kita berada di paras yang tinggi jika dibandingkan dengan keadaan harga yang ada sekarang ini. Jika harga barang dagangan utama negara kekal dengan apa yang kita alatni sekarang sudah pasti pencapaiannya tentu jauh lebih rendah daripada apa yang pernah tercapai seperti yang dinyatakan tadi sekiranya struktur ekonomi yang ada tidak disusun semula. Namun demikian, sekali lagi saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana awal-awal lagi telah menjadi hakikat ini dan beberapa langkah telah diambil, seperti mengadakan Pelan Induk Industri Negara dan juga menggubal Dasar Pertanian Negara dan sebagainya. Jika kandungan Pelan Induk Industri Negara dan Dasar Pertanian Negara ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, saya penuh keyakinan banyak masalah yang dialami oleh rakyat dan negara masa kini dan masa akan datang boleh diatasi dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya di waktu kebelakangan ini, terutama di dalam pertengahan dekad 80an ini, Dasar Ekonomi Baru telah menjadi bahan perbincangan yang hangat di kalangan masyarakat di negara ini. Berbagai-bagai pandangan dan pendapat telah dikemukakan

menerusi majlis forum, majlis ceramah, majlis dialog perhimpunan politik, tnajlis sosial dan tidak kurang juga menerusi liputan berita akhbar, sama ada akhbar harian, mingguan atau bulanan dan juga di majalah-majalah dan kadang-kadang di curung radio atau di kaca TV. Pandangan-pandangan yang dikemukakan itu ada yang positif dan ada pula yang negatif, malah ada pula yang menyalahkan Dasar Ekonomi Baru, kesan dari kurangnya pelabur-pelabur asing dan juga pelabur tempatan melabur modalnya ke arah mempertingkatkan pertumbuhan sektor ekonomi negara yang masih lembab sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan tentulah peka dengan pandangan umum yang beraneka corak itu. Namun demikian, saya berpendapat walau seribu halangan yang mendatang dan seribu ugutan yang melanda, Kerajaan perlulah menyedari hakikat bahawa Dasar Ekonomi Baru ini bukanlah rekaan Kerajaan semata-mata, tetapi ianya adalah merupakan cetusan hati nurani yang diilhamkan oleh Ahli Majlis Perundangan Negara yang didukung oleh semua lapisan rakyat di negara ini, malah diterima baik pula oleh semua lapisan rakyat yang terkemudian daripadanya. Ianya merupakan suatu wadah rakyat yang diamankan kepada Kerajaan untuk melaksanakannya. Cuma di pertengahan dekad 80an ini, khususnya tatkala negara dilanda kemelesetan ekonomi sekarang ini terdengar bunyi suara-suara sumbang yang cuba mengelirukan falsafah, tujuan dan matlamat sebenarnya Dasar Ekonomi Baru itu. Sebenarnya mereka itu adalah golongan opportunist yang lebih mementing kepentingan diri daripada kepentingan negara dan rakyat seluruhnya. Kumpulan ini memang ada di mana-mana dan ianya akan terus hidup hingga ke hari kiamat.

Pada pandangan saya Dasar Ekonomi Baru itu mestilah diteruskan walaupun tempohnya akan berakhir pada tahun 1990. Soal tempoh bukan suatu yang penting, ianya merupakan satu ramalan jangka masa sahaja. Yang penting ialah matlamat dan tujuan sesuatu dasar itu. Hakikat ini manusia tidak dapat meramalkan sesuatu dengan tepat, paling berjaya hanyalah merancang sahaja atau meramalkan sesuatu, hak menentukan sesuatu kejayaan itu ialah hak Allah, bukannya hak hambanya.

Jika kita fikirkan tahun 1990 bukan tahun yang sesuai, apa salahnya kita lanjutkan tempohnya. Apa yang pasti matlamat kita mesti dijayakan, amanah rakyat hendaklah dilaksanakan. Gesaan saya ini berasaskan kepada beberapa faktor seperti berikut:

- (1) Dasar Ekonomi Baru adalah merupakan suatu wadah rakyat yang patut dihormati dan amanah yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan;
- (2) Dasar Ekonomi Baru telah terbukti sebagai batu penawar yang mujarab untuk meredakan ketegangan kaum akibat tercetusnya peristiwa berdarah pada 13 Mei, 1969 yang lalu;
- (3) Dasar Ekonomi Baru merupakan dasar keramat yang telah mengubah sedikit sebanyak nasib kaum-kaum bumiputera, termasuklah pegawai-pegawai yang ada di hadapan saya ini dan juga yang ada di belakang ini. Mereka ini adalah cetusan daripada dasar keramat ini. Dengan adanya Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telah mengadakan sekolah-sekolah menengah di merata-rata kampung, mengadakan universiti, memberikan biasiswa untuk memberi peluang kepada

anak-anak Melayu yang miskin, yang melarat di kampung-kampung untuk melanjutkan pelajaran. Hari ini mereka telah menjadi pegawai kerana ada di antara yang menjadi murid-murid saya tahun 40an, 50an yang lalu. Inilah cetusan daripada Dasar Ekonomi Baru;

- (4) Walaupun kadar kemiskinan di Semenanjung secara keseluruhannya dapat dikurangkan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 18.4% pada tahun 1984, tetapi jika dilihat dari pecahan kelompok-kelompok masyarakat di negara ini, kadar kemiskinan itu masih di tahap yang tinggi, seperti yang ditunjukkan dalam buku Rancangan Malaysia Kelima, Jadual 3-1. Misalnya, masyarakat penanam padi daripada 88.1% tahun 1970 kepada 57.7% tahun 1984. Masyarakat pekebun kecil kelapa daripada 52.6% tahun 1970 kepada 46.9% tahun 1984. Masyarakat pekebun kecil getah daripada 64.7% pada tahun 1970 kepada 43.4% tahun 1984. Masyarakat petani-petani lain daripada 89% tahun 1970 kepada 34.2% tahun 1984. Masyarakat nelayan daripada 73.2% kepada 27.7%; dan
- (5) Masih terdapat jurang yang luas dari segi hakmilik modal saham di kalangan rakyat di negara ini, iaitu di antara bumiputera dengan bukan bumiputera, seperti yang ditunjuk dalam buku Rancangan Malaysia Kelima, Jadual 3-8. Misalnya, bumiputera perseorangan 10.1% pada tahun 1985; agensi amanah 7.7% tahun 1985, manakala rakyat Malaysia yang lain 56.7%. Kadar kemiskinan yang tinggi di 5 kelompok masyarakat yang dinyatakan

tadi, di samping terdapatnya jurang yang luas dari segi milik saham di kalangan rakyat, seperti yang ditunjukkan dalam buku Rancangan Malaysia Kelima, Jadual 3-8 jelaslah menggambarkan betapa perlunya Dasar Ekonomi Baru itu diteruskan agar peragihan kekayaan negara dapat dilakukan dengan adil dan saksama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Hendak gulung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila gulung.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**

(6) Masih terdapat jurang perbezaan yang besar di antara teknokrat bumiputera dengan bukan bumiputera. Dengan lain-lain perkataan, tenaga ikhtisas bumiputera di dalam beberapa jurusan jauh lebih rendah daripada masyarakat bukan bumiputera.

Misalnya perangkaan bilangan profesional 1985 adalah seperti berikut:

	Bumi-putera (%)	Cina (%)	India (%)	Lain-lain (%)
Akitek	16.7	81.7	1.4	0.2
Akauman	8.6	83.3	6.0	2.1
Jurutera	26.9	65.5	5.3	2.3
Pergigian	23.2	45.2	29.2	2.4
Perubatan	18.1	40.3	38.2	3.4
Veterinar	28.6	24.6	39.6	7.2
Jurukur	34.0	57.1	5.7	2.4
Peguam	16.4	53.3	24.5	5.8

Yang ketujuh masih terdapat jurang perbezaan yang besar di antara bumiputera dengan bukan bumiputera

yang menjadi pengangguran di negara ini yang tercatat di dalam buku Rancangan Malaysia Kelima Jadual 3 (13):

	Bumi-putera	Cina	India	Lain-lain
Menganggur	65.9%	23.5%	10.1%	0.5%

**Tuan Tan Kok Wai:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi bangun.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Saya hendak menggulung, Tuan Yang di-Pertua, jika faktor-faktor yang saya menyatakan tadi tidak diberi perhatian yang serius dan melaksanakan dengan penuh keadilan, maka semakin jauhlah harapan negara untuk membina sebuah masyarakat yang bersatu padu, sedangkan perpaduan di kalangan rakyat itu merupakan asas pembinaan negara yang aman, makmur dan bahagia serta diredhai Allah.

Justeru itu, saya mencadangkan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum menerusi strategi serampang dua mata itu hendaklah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh tanpa berlengah-lengah lagi demi untuk kestabilan politik dan kesejahteraan rakyat serta keutuhan negara. Dengan ini, saya menyokong Anggaran Belanjawan ini. Wabillaahi taufik, walhidayah, wassalaa-mualaikum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Parit.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta jangan melebihi 20 minit. Banyak yang hendak bercakap lagi.

4.34 ptg.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin**

**(Parit):** Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas perhatian berat yang diberikan oleh betiau kepada pembangunan luar bandar yang mana telah memperuntukkan sebanyak \$4.25 billion atau lebih kurang 2.3% daripada peruntukan pembangunan keseluruhannya. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah setelah 30 tahun kita merdeka, masih lagi terdapat rata-rata rakyat jelata di luar bandar yang menderita tanpa kemudahan api dan air.

Sebagai contoh saya ambil kawasan Parlimen Parit yang masih lagi jauh ketinggalan dalam kemudahan ini dan ketinggalan yang amat sangat dirasa dalam kemudahan jalan ladang sama ada ke kebun getah mahupun ke sawah.

Saya berpendapat peruntukan pembangunan api dan air luar bandar berjumlah \$414 juta dalam perbelanjaan 1988 ini adalah terlalu kecil jika sekiranya Kerajaan mahu memberi priority yang utama dalam masalah yang besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1987, Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyarankan penggabungan sektor awam dan sektor swasta untuk mencapai presasi yang lebih berkesan. Jadi, persoalannya, sejauhmanakah usaha ini dicapai dalam jangka masa setahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman agensi-agensi Kerajaan kepada Kerajaan Pusat adalah sangat tinggi. Pada tahun 1986, agensi-agensi Kerajaan telah berhutang kepada Kerajaan Pusat sebanyak \$32,806 juta.

Pecahan ini adalah seperti berikut. Yang besar-besar sahaja saya baca:

FELDA ..	\$3,349 juta
Telekom	\$3,935 juta
LLN .. .. .	\$1,000 juta
UDA..	\$1,000juta
Kemajuan Negeri	\$6,000 juta

Jadi, banyak tanda-tanda yang menunjukkan yang Kerajaan Pusat mengalami masalah untuk mendapatkan kembali pinjaman yang telah diberikan kepada agensi-agensi ini. Kerajaan Pusat mestilah mengawasi kegiatan-kegiatan agensi-agensi ini dengan lebih ketat lagi supaya projek yang menampakkan pertumbuhan ekonomi dan keuntungan untuk membayar balik pinjaman di dalam masa yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1988 dicadangkan supaya pengeluaran minyak dapat dinaikkan ke kadar 540,000 tong setiap hari untuk membantu pertumbuhan ekonomi. Oleh yang demikian, saya suka menambah supaya Kerajaan juga patut mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek oleh PETRONAS di dalam Projek Gas Semenanjung Fasa II, pembesaran Projek Penapis Minyak di Kerteh, Terengganu, Projek NTBED di Pelabuhan Kuantan, Pahang, Kilang Penapis Minyak Kedua, di Melaka, Kilang Memproses Gas Fasa II di Kerteh, Terengganu.

Malaysia mempunyai jumlah besar simpanan gas dan tenaga. Ini adalah wajar untuk digunakan mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi dengan mengkaji kemungkinan penubuhan polisi tenaga nasional. Malaysia perlu mengurangkan kos tenaga industri yang mana bukan sahaja menggalakkan pertumbuhan industri, malahan akan menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing mengeluarkan

barang-barang yang lebih setanding dari segi mutu dan harga untuk pasaran eksport.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun yang lepas PETRONAS dan HICOM telah menyambung pertumbuhan pekerjaan dan kegiatan-kegiatan industri di dalam projek-projek yang telah diusahakan seperti Malaysian LNG, ASEAN Bintulu Fertilizer, Kerteh Oil Refinery, Kerteh Gas Processing Plant, Peninsula Gas Pipeline Phase II, Kilang Simen di Perak, Steel Plant di Terengganu. Diperhatikan 90% daripada kontraktor-kontraktor ini diagih kepada syarikat-syarikat Jepun. Akibatnya perkembangan industri di Malaysia tidak begitu tersusun dan terkawal. Kelengkapan-kelengkapan dan jentera-jentera untuk pemasangan dan pengeluaran dijalankan di Jepun dan di negara-negara lain. Malaysia kehilangan peluang untuk memiliki teknologi pemasangan dan pembentukan engineering equipment di dalam sektor pembinaan yang mana boleh menambahkan peluang pekerjaan di negara kita. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya syarat-syarat yang lebih ketat dikenakan kepada kontraktor-kontraktor ini. Pertamanya penggunaan tenaga tempatan ke tahap maksima patut dipatuhi. Percantuman dan pemasangan jentera dan kelengkapan dilakukan di Malaysia. Pencarian barang-barang gantian ini untuk alat-alat kelengkapan dan jentera diselaraskan dan boleh diperolehi daripada beberapa negara dan dipasang sepenuhnya atau sebahagiannya di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, nilai ringgit telah turun dengan begitu mendadak di pasaran wang antarabangsa dan di dalam negeri. Walaupun di dalam keadaan turun naik yang tidak menentu, Bank Negara mengawal indek nilai ringgit di dalam bentuk composite basket merangkumi nilai

matawang rakan kongsi utama Malaysia dan nilai wang utama yang digunakan untuk pembayaran luar. Bandingan dengan nilai matawang asing nilai ringgit adalah seperti berikut:

#### Nilai Ringgit Jatuh

1984/85	88.6%
1985/86	12.7%

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun 1986 pinjaman luar negeri berjumlah \$51 ribu juta berbanding dengan \$42 ribu juta pada akhir tahun 1985. Pertambahan \$8,700 juta di mana \$7,600 juta adalah akibat turun nilai matawang Ringgit. Walau bagaimanapun, oleh kerana akibat turun nilai matawang Ringgit, Bank Negara di dalam Laporan tahun 1986 ada menunjukkan anggaran \$1,400 juta telah ditambah pada Simpanan Matawang Asing Malaysia 1986 di bawah item "Error and Omission", dengan izin, di dalam baki pembayarannya.

Oleh itu, kerugian bersih Malaysia oleh akibat turun naik matawang Ringgit adalah dianggarkan \$5,200 juta ataupun lebih bergantung pada kadar perbezaan campuran matawang dalam kumpulan hutang dan kumpulan pertukaran luar negeri. Hutang luar negeri Malaysia berat ke sebelah matawang US Dollar 56.1% dan Yen Jepun 24%. Satu usaha yang gigih patut diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan paras yang tidak sihat ini supaya meluaskan exposure, dengan izin, hutang luar negeri untuk mengurangkan kejatuhan keterlaluan nilai matawang Ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor pembuatan tidak termasuk hotel, dari sudut ekuiti, ekuiti keseluruhan antara dua tempoh 1986 dan 1987, Januari-September, kini telah merosot sebanyak 25%. Ekuiti asing telah

bertambah lebih dari dua kali ganda. Tanda kejayaan misi perdagangan dan kepercayaan orang luar terhadap Malaysia. Ini menguntungkan kita daripada hasil lawatan misi kita ke luar negeri. Kemosrotan ekuiti keseluruhan kerana kejatuhan ekuiti dalam negeri sebanyak 44% bagi bumiputera dan 55% bagi bukan bumiputera. Sebab-sebab kejatuhan ini patut dikenalpasti agar tindakan-tindakan yang berkesan bagi mengatasi dapat diambil. Perjumpaan dengan Dewan-dewan Perniagaan dan F.M.M. misalnya patutlah diadakan. Jadi jelaslah terbukti bahawa ekuiti luar adalah sungguh mengagalkan.

Dari sudut potensi pekerjaan, data-data yang ada menunjukkan bahawa industri-industri di negara ini telah bertukar hala dari "capital intensive", dengan izin, kepada "labour intensive", dengan izin. Sebagai contoh, bagi tempoh 9 bulan pertama tahun ini banyak \$24,000 secara purata diperlukan untuk mewujudkan satu pekerjaan, berbanding dengan hampir \$44,600 untuk mewujudkan satu jawatan bagi tempoh yang sama pada tahun 1986. Ini merupakan satu tanda bahawa usaha Kerajaan menarik pelabur bagi mewujudkan peluang pekerjaan yang bertambah untuk mengurangkan kadar pengangguran yang semakin meningkat telah menampakkan hasii dan kesan yang nyata.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk melaksanakan Skim Baja Padi. Ia meliputi hampir setengah juta hektar sawah padi dan memberi manfaat kepada beratus ribu pesawah padi. Dari tahun 1980 hingga 1986 nilai baja yang telah diberikan kepada pesawah adalah sejumlah \$437,158,630. Bagi tahun hadapan anggaran yang sama lebihkurang \$80 juta. Saya pasti bahawa kadar harga purata baja yang telah dibayar dan terus dibayar oleh Kerajaan di bawah

Skim ini adalah jauh lebih tinggi dari harga purata import ataupun eksport. Oleh itu, kadar yang tinggi yang telah dikenakan dan akan terus dikenakan oleh pembekal perlulah dikaji semula.

Saya juga pasti bahawa pembekal-pembekal baja tidak mendapat bekalan secara terus daripada pembuat baja kecuali baja urea dari PETRONAS. Langkah semestinya diambil untuk mendapatkan bekalan termurah terus dari kilang dan usaha untuk menjimatkan kos dengan andaian pembekalan diberi margin di antara 20% hingga 25% di atas paras harga yang dibayar. Jika sekiranya usaha ke arah ini dapat dilaksanakan, saya yakin dan percaya Kerajaan dapat menyelamatkan beratus-ratus ribu ringgit. Sebagai contoh, bagi tempoh 1980 hingga 1986 Kerajaan boleh menjimatkan lebihkurang \$100 juta jika sekiranya kaedah ini diambil kira dan ditaksanakan.

Sekiranya ini adalah berlandaskan harga purata terendah, sebenarnya harga purata terendah ini adalah lebih tinggi dari harga termurah di pasaran dunia. Contohnya, pada tahun 1986 harga baja termurah adalah \$187.50 setan metrik c.i.f. iaitu hampir 20% lebih mahal dari harga purata \$220.50 setan metrik. Ini bermakna penjimatan lebih besar boleh dibuat jika berdasarkan harga termurah tersebut. Sebagai contoh, pada tahun 1986 sahaja sejumlah wang lebih kurang \$2 juta dapat diselamatkan oleh Kementerian. Saya berpendapat sudah menjadi tugas dan tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan harga baja termurah di pasaran dunia dan juga menjadi tugas dan tanggungjawab Kementerian Pertanian pula untuk memastikan seberapa banyak kos yang sia-sia dapat diselamatkan dengan membuat tambahan kerja yang sedikit kepada pegawai-pegawai dalam bidang risikan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah menetapkan kadar subsidi baja sebanyak 307 kilogram sehektar dan kadar ini mungkin berdasarkan hasil kajian yang telah dibuat sebelum tahun pelaksanaan Skim ini pada tahun 1976. Kadar ini masih lagi kekal untuk keseluruhan negara dan semua jenis tanah. Berdasarkan kajian MARDI mengenai kesuburan tanah sawah dan kuantiti baja yang diperlu digunakan adalah di antara 90 kilogram hingga 146 kilogram sehektar sahaja. Ini bermakna kadar yang digunakan adalah antara 2 ke 3 kali ganda lebih tinggi daripada kadar yang dicadangkan oleh MARDI. Maka ternyatalah di sini bahawa banyak pembaziran berlaku yang tidak disengajakan. Oleh yang demikian, tidaklah terlewat untuk membuat kajian semula terhadap kadar penggunaan baja ini.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah baja yang dibekalkan kepada pesawah-pesawah juga menimbulkan persoalan. Contohnya, di antara 1981 dengan 1982 keluasan padi yang ditanam menurun lebih kurang 30,000 hektar tetapi jumlah baja yang diberi pada tahun 1982 adalah sebanyak 139,706 tan metrik, hampir sama banyak dengan tahun 1981. Perkara yang sama juga berlaku antara tahun 1982 dengan 1983. Pada tahun 1985 jumlah baja berkurangan lebih kurang 5,000 tan metrik dari tahun 1984 sedangkan keluasan bertambah lebih kurang 29,000 hektar. Bagi tahun 1986 jumlah baja lebih banyak dari tahun 1985, bertambah 43,000 tan metrik sedangkan keluasan terlibat menurun lebih kurang 32,000 hektar. Persoalan ini juga menimbulkan tanda tanya dan memerlukan perhatian yang serius daripada Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu supaya pihak penyelidik dan pembangunan lebih-lebih lagi MARDI memberikan perhatian yang serius terhadap commitment yang

mutlak terhadap pengeluaran baja kimia sendiri dengan harga yang berpatutan bagi mengatasi masalah harga baja tempatan yang mahal. Pengeluaran baja sendiri berasaskan bahan-bahan organik yang banyak terdapat di negara kita perlulah diberi perhatian yang utama serta yang serius. Saya juga difahamkan bahawa bekalan baja kimia dunia akan bertambah mahal dan juga akan semakin berkurangan dari masa ke semasa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya ke tembakau dan getah. Tembakau ditanam oleh negara maju dan kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Kanada. Ia juga ditanam oleh negara-negara yang bersahabat baik dengan Amerika Syarikat seperti Filipina, Korea Selatan dan Thailand. Sekalipun ianya ditanam oleh negara-negara yang besar dan sekutu mereka, tembakau telah mengalami kejatuhan harga sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Keadaan ini sama seperti yang dialami oleh beberapa bahan mentah yang terdapat di lain-lain negara.

Kejatuhan harga tembakau yang berterusan telah mempergiatkan lagi kajian untuk mendapatkan bahan mentah gantian di Amerika dan Kanada. Kedua-dua negara ini sedang merancang dan berusaha untuk menukarkan kepada tanaman "guayula" sejenis tanaman yang berpotensi mengeluarkan getah dengan banyak dan sesuai pula dengan kawasan tanaman tembakau dari jenis "lom berpasir."

Tuan Yang di-Pertua, "guayula" mempunyai ciri-ciri yang boleh menandingi getah asli. Antaranya ialah, ia mempunyai potensi kadar hasil sehektar yang lebih tinggi. Ia juga mempunyai tanda-tanda bahawa kos pengeluarannya adalah lebih rendah, di samping itu ia boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh dua

tahun berbanding dengan 6 hingga 7 tahun bagi getah asli kita. Dalam keadaan yang sedemikian, ia boleh menakan harga getah asli di pasaran antarabangsa. Besar kemungkinan juga import getah asli oleh Amerika dan Kanada serta negara-negara pengguna yang lain akan berkurangan. Amerika dan Kanada. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah gulung?

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Ini sudah dekat hendak gulunglah, Tuan Yang di-Pertua.

Amerika dan Kanada mengimport kira-kira 162,000 ton metrik getah asli dari Malaysia pada tahun 1986. Amerika merupakan negara pengimport getah Malaysia yang kedua besar selepas Singapura. Ahli perniagaan amat berminat dengan potensi "guayula" ini. Baru-baru ini Kerajaan melalui RRI telah mengumumkan penemuan bahan baru yang dipanggil "Expoxidised Natural Rubber" (ENR). Bahan ini merupakan modifikasi kepada getah asli melalui proses epoxidisasi yang mempunyai mutu dan prestasi yang berlainan dari getah asli. Usaha Kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara supaya tidak terlalu bergantung kepada bahan-bahan tertentu sahaja telah menampakkan kejayaan yang positif. Kejayaan ini dapat dilihat melalui perubahan komposisi eksport barangan utama Malaysia. Pada tahun 1988, nilai eksport getah merupakan 16.4% dari jumlah eksport. Pada tahun 1986, sumbangan ini telah menurun kepada 8.9%. Sumbangan eksport bahan pembuatan pula dari segi nilai telah meningkat dari 21.8% kepada 40.5% bagi tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, jadi "guayula" telah ditanam di barat daya Amerika semasa Perang Dunia Kedua sebagai pengganti dan bermacam-macam hybrid telah dijumpai dan

ditemui. Pada bulan Disember, 1986, ahli-ahli sains telah menemui sejenis processed clone yang boleh menghasilkan hybrid yang lebih bermutu. Melalui proses tersebut hybrid ini boleh mengeluarkan getah yang lebih banyak dan sesuai pula untuk ditanam di kawasan tanah tanaman tembakau dari jenis "lom berpasir." Ini sungguh memberi cabaran yang lebih kepada negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah lebih masa.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Ini sudah hendak habis. Oleh yang demikian, sekiranya apa yang dibimbangkan di atas akan berlaku juga nanti kepada getah asli, maka adalah tidak adil untuk menyalahkan pemimpin-pemimpin kita negara pengeluar getah asli di masa itu. Berulang lagilah scenario menyalahkan pemimpin-pemimpin negara terhadap kejatuhan harga beberapa bahan mentah sepertimana yang berlaku baru-baru ini. Jika sekiranya berlaku kejatuhan harga getah di satu masa nanti, janganlah menyalahkan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jambongan.

4.55 ptg.

**Tuan Michael Asang (Jambongan):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana mendapat peluang untuk membahaskan Belanjawan 1988 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini pada 23hb Oktober, 1987 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada sebilangan besar

peruntukan yang diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan bagi tujuan menambah dan memperbaiki perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar. Kawasan Parlimen Jambongan adalah kawasan yang mungkin di antara kawasan-kawasan yang termiskin dan terpencil sekali dalam Malaysia. Oleh itu saya sukalah merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya menitikberatkan rancangan atau program-program kesihatan dalam kawasan ini.

Baru-baru ini dalam bulan Ogos, satu kejadian telah berlaku di kawasan Kampung Tagapalang Sugut di mana 11 orang bayi di antara umur 2-12 tahun telah meninggal dunia dalam masa lima hari disebabkan terkena penyakit campak. Dalam hal ini kita sama-sama dalam Dewan yang mulia ini sangat sedih pada kejadian ini dan apakah insiden seperti ini berterusan? Sekiranya sebuah dispensari di kampung ini tidak didirikan, susahlah bagi penduduknya. Kawasan ini adalah satu-satu daripada kampung yang sangat terpencil dan perhubungan terlalu rumit untuk pesakit-pesakit mendapatkan rawatan. Pesakit-pesakit hanya mendapat rawatan melalui perkhidmatan doktor udara yang juga jadualnya tidak menentu. Dalam hal ini, saya mohon kepada Kementerian Kesihatan supaya dispensari ini dapat didirikan dengan seberapa cepat yang boleh. Demikian juga di kawasan kampung-kampung yang lain di negeri Sabah, Kementerian Kesihatan haruslah menyelidiki kedudukan kesihatan para penduduk kampung. Saya merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya dispensari di Kampung Tangkarason yang mengalami kerosakan dapat diperbaiki kerana bumbung zinc sudah bocor dan Kementerian Kesihatan juga harus bersimpati dengan kakitangan perubatan di situ kerana kakitangan di situ tidak mempunyai rumah.

Selain daripada itu untuk mengatasi masalah yang serius seperti keadaan perhubungan sesen-stesen dispensari yang begitu rumit perhubungannya, Kementerian ini haruslah membekalkan dispensari-dispensari luar bandar sebuah alat radiophone atau jenis ATUR supaya kes-kes kecemasan seperti penyakit tenat ataupun ibu-ibu hamil yang tidak boleh dirawat oleh Penolong Jururawat atau Bidan yang bertugas di dispensari berkenaan dapatlah menggunakan alat kemudahan ATUR atau radiophone itu untuk memanggil helikopter dan mengangkat pesakit-pesakit berkenaan ke hospital daerah, mahupun ke hospital besar untuk mendapat rawatan segera oleh pakar-pakar atau doktor.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud Bekalan 39—Jabatan Pendaftaran Negara, saya khawatir dengan terlaksananya undang-undang baru bahawa mulai daripada bulan April 1987, semua pemohon kad pengenalan yang tidak mempunyai surat beranak daripada anak asli Sabah mempunyai kerumitan. Memandangkan pada faktor ini, saya merayu kepada Kementerian ini supaya mengambil langkah yang perlu bagi penduduk bumiputera di luar bandar yang terpencil di mana terdapat rakyat Malaysia yang tinggal di dalam kawasan perhutanan harus dikecualikan dengan syarat-syarat dan bukti-bukti yang cukup melalui penyelidikan jabatan-jabatan. Pendaftaran kad pengenalan yang lewat sedikit juga dikenakan bayaran stem \$10. Memandangkan keadaan sebilangan besar kawasan luar bandar di Sabah sangat susah dalam segi perhubungan dan kebanyakan orang yang terlibat ini adalah dari golongan orang-orang yang miskin, maka saya merayu di sini supaya bayaran stem ini harus dihapuskan dan Jabatan Pendaftaran di tiap-tiap daerah haruslah membuat satu task force, dengan izin, untuk masuk ke

kampung-kampung sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi mendaftarkan kad-kad pengenalan bagi penduduk-penduduk luar bandar yang tidak mampu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kepada jumlah peruntukan yang di-peruntukkan kepada Kementerian Kerjaraya bagi pembinaan jalan-jalan raya. Oleh itu, saya memohon kepada Kementerian ini supaya jalan-jalan raya yang penting di kawasan pilihanraya Jambongan seperti jalan besar daripada Pitas, Kampung Medan dan Tangkarasen kerana terdapat berpuluh-puluh ribu hektar tanah yang masih terbiar dan kawasan tersebut dapatlah diusahakan dengan adanya jalan raya ini. Menerusi kawasan perkampungan ini dan demikian juga di kawasan yang saya telah sentuh dalam Bekalan kepada Kementerian Kesihatan tadi laitu masalah perhubungan di kawasan Kampung Tagapalang, Sugut, Kementerian ini haruslah juga meneruskan pembinaan atau pembaikan bekas jalan pembalakan yang ada daripada Kota Marudu ke Kampung Tangapalang, Sugut yang mana saya katakan tadi bahawa insiden-insiden telah berlaku dan dengan ketiadaan perhubungan. Begitu juga dengan jalan daripada Kampung Cenderamata Pamul ke Ulu Kampung Mengkabau.

Saya juga ingin merayu kepada Kementerian ini supaya menaikkan taraf jalan raya daripada pekan Beluran ke lebuhraya Sandakan/Telupid. Sebaik-baiknya jalan utama daerah ini dapatlah dibubuhkan dengan tar.

Saya juga suka menarik perhatian Kementerian ini khasnya di Sabah supaya lebih cenderung membaiki jalan-jalan yang mengandungi kawasan perusahaan tanah pertanian supaya usaha petani bermakna dengan pemasaran hasil-hasil pertanian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam butiran Lembaga Letnk Sabah tidak begitu nyata peruntukan yang dlkhaskan bagi negeri Sabah untuk tahun 1988, tetapi saya sukalah menarik perhatian kepada pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos agar dapat menambahkan peruntukan kepada Lembaga Letrik Sabah supaya segala rancangan projek yang sepatutnya dijadualkan untuk dibekalkan kepada luar bandar dalam tahun 1987 dan 1988 dapat disempurnakan kerana rakyat luar bandar seialu mengambil perkara ini sebagai isu bahawa Kerajaan kurang berinsiatif dan menitikberatkan dengan pembangunan infrastruktur luar bandar. Memandangkan dasar-dasar Kerajaan adalah menyeimbangkan taraf hidup rakyat, maka wajar sekali peruntukan ini diberi keutamaan kepada penduduk luar bandar negeri Sabah amnya, dan seperti yang telah pun dijadualkan untuk penyambungan elektrik tahun ini daripada Tajau, Kampung Tiga Papan, Kudat. Sehingga hari ini belum ada kesan rancangan tersebut.

Dalam kawasan pilihanraya Parlimen Jambongan juga di kawasan Sungai Manila, Sungai Sibuga perlulah disambung kepada penduduk kawasan ini yang mempunyai beribu-ribu penduduk. Begitu juga di kawasan Trusan Sugut. Penduduk di sini telah banyak kali memohon tetapi tidak ada tindakan yang positif. Dalam hal ini Kerajaan haruslah bersikap adil dalam kaedah-kaedah kepentingan rakyat jelata luar bandar dan tidak tertumpu sangat kepada kawasan bandar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang puas hati dengan cara-cara pegawai penerangan dalam daerah di mana dalam rangka mereka mengaturkan penayangan filem-filem yang ditayangkan tidak sesuai bagi orang kampung terutama sekali kawasan bumiputera di mana mereka menayangkan filem yang bukan

berbahasa Kebangsaan. Dalam hal ini inginlah saya mencadangkan agar lebih banyak filem-filem yang berbahasa Kebangsaan dibekalkan kepada Jabatan Penerangan Daerah untuk ditayangkan di kampung-kampung.

Selain daripada itu, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Penerangan tentang perlantikan pegawai-pegawai luar penerangan yang merupakan perlantikan politik. Oleh sebab kakitangan ini adalah mata dan telinga Kerajaan kita, maka saya mengesyorkan di sini supaya perlantikan ini seharusnya melalui persetujuan Ahli-ahli Parlimen dalam kawasan masing-masing kerana Ahli-ahli Parlimen ini lebih tahu siapa yang layak sama ada corak kegiatan mahupun segi pengalaman.

Nampaknya pada perlantikan pegawai-pegawai luar ini di mana berlakunya baru-baru ini ada yang tidak memuaskan kerana sebilangan besar, kalau pun tidak kesemua lantikan baru seluruh Sabah adalah daripada penyokong-penyokong Barisan Nasional Pusat tetapi di peringkat Negeri adalah golongan Pembangkang. Adakah ini mungkin "ada udang di sebalik batu" yang berkuasa, yang mengatur segala perlantikan ini. Sekali lagi saya mencadangkan di sini bahawa perlantikan ini haruslah melalui persetujuan Wakil Rakyat di kawasan masing-masing ataupun lebih berpatutan dan sesuai rasa saya kalau perlantikan ini dibuat mengikut senarai nama-nama yang telah dipersetujui oleh Pengerusi Barisan Nasional peringkat Negeri supaya corak pentadbiran ini lebih efektif dan lebih adil.

Tuan Yang di-Pertua, sukaiah juga saya menyentuh di Dewan yang mulia ini tentang hal masalah permohonan senapang patah yang dikemukakan oleh para pemohon daripada golongan

petani di negeri Sabah. Masalah ini sangat rumit sekali kerana dalam beberapa ratus permohonan jarang sekali yang diluluskan terutama sekali daripada golongan pekebun atau para petani. Ini amatlah dikesalkan terutama sekali di kawasan luar bandar di mana para pengusaha kebun kelapa dan tanaman-tanaman lain tidak mendapat kejayaan akibat serangan binatang-binatang buas. Oleh itu, Kerajaan haruslah melonggarkan pengeluaran lesen-lesen senapang patah ini khasnya kepada para petani kerana dengan tiadanya pencegahan binatang-binatang ini usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan produktiviti pertanian luar bandar sukar mendapat kejayaan bahkan inilah rintangan utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli dari Marudu di mana royalty hasil petroleum Sabah harus dipertingkatkan ke 10% daripada 5% diuntukkan kepada negeri itu. Walaupun awal-awal tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyentuh tidak ada kemungkinan negeri-negeri tertentu dapat kenaikan, tetapi sekali lagi di sini saya membuat rayuan disebabkan saya percaya dengan adanya pemberian lebih royalty kepada negeri Sabah pembangunan luar bandar akan lebih mendapat perhatian dengan kewangan negeri yang bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, tentang integrasi nasional, saya merasa sedikit sedih terutama sekali dengan corak-corak politik yang sedang kita hadapi sekarang. Integrasi ini haruslah diilhamkan oleh semua pihak parti politik, para intelek, para profesion dan para individu dalam negara kita dan sekiranya prestasi integrasi rakyat Malaysia, terancam maka secara langsung kita sengaja hendakkan ekonomi negara kita berterusan merosot.

Dengan itu, saya mohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili masyarakat yang berbilang kaum negara ini agar dapat menitikberatkan dan mempertingkatkan lagi usaha mengeratkan integrasi nasional. Kita semua harus meredakan emosi-emosi yang mungkin akan menyinggung kaum-kaum dan agama-agama lain. Kita harus berpegang teguh kepada Rukunegara Malaysia yang sedia wujud.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1988.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pagoh.

*5.10ptg.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama membahaskan Belanjawan bagi tahun 1988 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Belanjawan negara bagi tahun 1988 hendak dibentangkan rakyat tertunggu-tunggu dan bertanya-tanya, berbagai persoalan dan telahan timbul. Timbul berbagai spekulasi. Ada pihak-pihak yang ingin mengeruhkan keadaan dan yang mencemaskan wujudnya anasir-anasir dari dalam dan luar negeri yang jelas bertujuan untuk menjejaskan imej negara dan ekonomi negara. Berbagai usaha dijalankan oleh pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab yang menjadi petualang negara dengan sengaja menimbulkan dakyah palsu untuk mengeruhkan suasana pelaburan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah malang nasib kita kerana ada pihak

yang mengaku negara ini tanan tempat tumpah darahnya tetapi tingkah-laku mereka menunjukkan sikap yang negatif dan langsung tidak mengikuti dan mengambil prinsip hidup "di mana bumi dipijak di situlah langit dijunjung". Amatlah sukar bagi kita mengukur ketaat-setiaan golongan pengkhianat negara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap semoga apa jua kritik yang mendatang biarlah selaras dengan kehendak semangat pembangunan negara, dengan izin, "The Nation Building" yang berteraskan kepada ciri nasionalisme yang tinggi dan sejati kerana cinta dan kasih kepada watan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab sikap dan tingkah laku golongan yang berkenaan yang biasa suka melempar batu dan sembunyi tangan dan bermain api untuk membakar suasana supaya menjadi panas boleh membawa keresahan dan ketidaktentuan perasaan rakyat. Mattamatnya ialah untuk menghakis dan menghilangkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kemampuan Kerajaan yang memerintah untuk menghadapi keadaan dalam negara ini, khususnya dari segi pemulihan dan pengukuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya menunjukkan kemampuan dan kegigihan mengatasi segala himpitan dengan cara dan tindakan yang lebih positif. Belanjawan yang telah dibentangkan secara sederhana ini sesuai dengan keadaan yang ada dan dengan itu juga telah dapat melegakan berbagai lapisan dan golongan rakyat. Kita bersyukur kerana masih ada petanda baik dan banyak ruang untuk kita meneroka masa depan yang terus gemilang. Setiap rakyat yang mengaku untuk hidup dan mati di negara ini

tidak ada pilihan lain melainkan marilah sama-sama bulatkan pakatan dan perpaduan untuk menjadi asas dan modal yang tidak ternilai harganya, bagi mencapai cita-cita pembangunan negara. Marilah kita sama-sama menanam sifat kekitaan dan kepunyaan yang tinggi terhadap negara Malaysia dan tingkatkan usaha kita dalam gagasan usaha sama yang maha besar iaitu Persyarikatan Malaysia. Untuk mencapai impian ini bukanlah mudah kerana ia terpaksa mengorbankan segala kepentingan diri tetapi bayaran kepada usaha ini ialah maruah bangsa dan negara akan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, pentingnya peranan sektor awam dan sektor swasta jelas terkandung dalam matlamat Belanjawan tahun 1988. Sektor awam dan sektorlah yang menjadi sektor utama yang menentukan maju mundurnya negara. Dalam Belanjawan kali ini telah banyak ditekankan tentang perlunya penglibatan pihak swasta secara meluas. Selaras dengan ini sektor awam telah menyediakan dasar-dasar utama dan menentukan arah serta menyediakan perkhidmatan sokongan yang tertentu kepada pihak swasta untuk penanaman modal dalam dan luar negeri, pelaburan semula, galakan perdagangan dan lain-lain lagi kepada sektor swasta yang menjadi pendokong kepada aktiviti ekonomi dan perdagangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dasar dan objektif penswastaan diikuti betul-betul, saya percaya bahawa penswastaan patut tidak menjadi isu. Dengan dasar yang jelas, diharapkan akan menggalakkan pelaburan swasta yang lebih berani dan lebih banyak. Dengan cara ini juga rakyat akan diajar menjauhkan daripada sikap subsidi, berkehendakkan kebajikan dan terlalu bergantung kepada Kerajaan. Usaha ini juga selaras dengan tujuan Kerajaan supaya rakyat

tidak hanya menumpukan kepada sektor awam sahaja, tetapi juga sektor swasta dan juga untuk berdikari. Hasrat Kerajaan dalam hal ini telah difahami oleh rakyat dan mendapat sambutan baik. Diharap, di samping memperbaiki kewangan sektor swasta ini sekali gus juga akan dapat memperbaiki kewangan sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun begitu penggalakan kepada sektor swasta ini bukanlah bermakna sektor swasta hanya perlu memandangkan kepada keuntungan semata-mata; di samping mencari keuntungan, sektor swasta perlulah juga memenuhi obligasinya iaitu tanggungjawab kebajikan untuk rakyat dan janganlah secara individu atau persyarikatan akan menerima beban berat kerana dasar monopoli dan mengaut keuntungan semata-mata oleh sektor swasta.

Dalam hal penswastaan Lebuhraya Malaysia, diharapkan akan membantu meningkatkan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih seimbang di antara wilayah-wilayah di negeri-negeri di Malaysia. Kita harapkan perkembangan pesat industri berasaskan sumber pertanian di luar bandar tidak akan menjadi masalah besar dengan tumpuan pembangunan asas dan pertanian di luar bandar ini memberi dorongan yang lebih kuat untuk mewujudkan industri di luar bandar yang kaya dan murah dengan tenaga dan sumber-sumber keperluannya. Cara ini kita harap juga akan mempercepatkan lagi proses urbanisasi sektor luar bandar. Ini memberi peluang kepada penggunaan guna tenaga buruh yang lebih banyak dan seimbang antara bandar dan luar bandar. Langkah ini saya percaya akan membantu mempercepatkan pencapaian matlamat Dasar Pertanian Negara dan seterusnya Dasar Perindustrian Negara. Bagi negara Malaysia yang kaya dengan hasil buminya, Dasar

Pertanian Negara harus seiring dengan pelaksanaan Dasar Perindustrian Negara.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan mengurangkan paras gaji bagi kakitangan yang baru diambil dengan gaji permulaan dikurangkan, adalah wajar kalau ini boleh memberi peluang pekerjaan yang lebih. Tetapi perlulah difikirkan paras yang munasabah dan tidak tertalu rendah hingga ditakuti membawa kesan yang menjejaskan, terutamanya dari segi mutu kerja, produktiviti, motivasi dan juga insentif. Paras gaji permulaan hendaklah disesuaikan dengan kelulusan yang ada seperti SPM, STPM, Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah dan lain-lainnya supaya nilai profesionalism dan kelulusan itu sendiri tidak terjejas dengan pandangan yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan mengambil skim kerja sementara, tetapi janganlah pihak swasta mengambil peluang ini semata-mata untuk mudah membuang dan memberhentikan pekerja dan juga menyelamatkan perbelanjaan dari segi bayaran kerana kenaikan gaji dan juga menafikan kekananan dalam sesuatu jawatan, terutama kepada syarikat yang menggunakan polisi ini terus-menerus walaupun dalam keadaan pertumbuhan dan perkembangan syarikat yang semakin baik.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang sedang membangun seperti Malaysia tidak dapat terelak terus daripada berhutang untuk membiayai projek-projek pembangunannya. Walaupun begitu kita tidak mahu untuk menjadi negara yang sentiasa rakyatnya dibebani dengan hutang. Langkah Kerajaan mengurangkan kos khidmat bayaran hutangnya dengan cara membayar lebih awal pinjaman luar negeri yang diperolehi pada kadar faedah yang tinggi adalah wajar dan bijaksana.

Kita harap Kerajaan dan rakyat akan terus menjalankan langkah jimat-cermat bagi membantu memulih dan mengukuhkan ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya berharap penyusunan semula Kementerian-kementerian, bahagian-bahagian dan agensi-agensi dalam berbagai Kementerian tidak akan melibatkan kos yang berlebihan, sebaliknya menjadi lebih effective dan productive, dengan izin.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya berharap perpindahan Bahagian Industri Kecil dan FELCRA ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, perpindahan LPN ke Kementerian Pertanian, perpindahan Bahagian Kebudayaan dan TDC ke Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan membuahkan kesan yang lebih baik dalam konteks pembangunan ekonomi negara dan mengelakkan pembaziran.

Penyusunan semula sistem pengurusan agensi Kerajaan di luar negeri amatlah baik dan dialu-alukan oleh seluruh rakyat. Dengan adanya satu sistem pentadbiran yang selaras bukan sahaja mengelakkan pembaziran, tetapi juga membawa kepada penyatuan ke arah objektif yang lebih bersepadu. Langkah ini sepatutnya telah lama dijalankan, dengan cara ini diharap Kerajaan boleh pula memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan kepada soal promosi untuk pemasaran, pelaburan dan perdagangan secara lebih berkesan lagi.

Dalam hal galakan pelaburan juga Kerajaan Pusat patut selaraskan dengan Kerajaan Negeri-negeri. Setiap rombongan galakan pelaburan dan perdagangan patut disertai sama oleh Kerajaan Negeri supaya terdapat penyelarasan dari segi objektif dan

dasar pelaburan dan perdagangan di Negeri-negeri di negara ini, dan proses ini akan dapat juga meningkatkan beberapa proses untuk tujuan pelaburan dan perdagangan ke negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pagoh, sila gulung ucapan.

**Tuan Ahmad bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita bergantung kuat kepada PETRONAS bagi membantu meningkatkan peruntukan pertumbuhan KDNK, diharap ia akan menjadi tulang belakang ekonomi negara untuk beberapa tahun akan datang.

Terima kasih kepada PETRONAS, diharap tahap prestasi pengurusan yang baik akan dikekalkan dengan penuh kecekapan dan keamanan dengan sentiasa menjalankan pengurusan secara berhati-hati dan jangan membazir, jauh sekali dari segi menyeleweng. Harapan saya PETRONAS akan terus menggiatkan usaha pencarian telaga-telaga minyak supaya penemuan lain akan dapat diperolehi. Selain daripada itu sampailah masanya sekarang dengan sumber yang ada ini PETRONAS meneruskan langkah untuk bergiat memasuki bidang baru iaitu industri petro-kimia sama ada secara sendiri atau usaha-sama supaya dengan usaha ini wujudlah pelbagai penggunaan sumber yang menguntungkan dalam tempoh jangka panjang selain daripada pelaburan dalam bidang-bidang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi merumuskan saya ingin menjelaskan beberapa perkara.

Yang pertamanya, ialah berkaitan dengan pelancaran Buku Merah II

(Red Book) yang memberi panduan baik kepada pembangunan ekonomi luar bandar. Ia harus digerakkan di seluruh negara dan sistem ini akan lebih berkesan jika dikawal melalui Bilik-bilik Gerakan di peringkat Daerah, Mukim dan kampung-kampung. Ketua Kampung dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung menjadi tulang belakang kepada pelaksanaan yang berjaya. Selain daripada berbagai agensi pelaksanaan yang matlamatnya harus tidak bercanggah bagi pelaksanaan Projek-projek Pertanian Bersepadu dan lain-lain. Tugas Ketua Kampung jadi makin berat, elaun bulanan hanya antara \$100 dan dibayar setengah tahun sekali. Perlulah difikirkan kedudukan mereka antara tanggungjawab dan kemampuan untuk bekerja bagi Ketua-ketua Kampung ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan banyaknya masalah di sekolah sekarang Guru-guru Besar Sekolah Rendah perlu diberi perhatian untuk membantu mereka menghasilkan mutu kerja yang lebih baik tanpa bebanan yang berlebihan.

Saya mencadangkan supaya Elaun Keraian ditimbangkan kepada mereka, dan sekolah-sekolah yang layak menerima pegawai kerani atau kerani rendah patut dipenuhi segera.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Omar:** Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta kepada Kementerian Pertanian supaya menyegerakan, mendalam dan meluruskan sungai Pagoh yang terletak dalam kawasan Parlimen saya di mana perkara ini telah menjejaskan beribu penduduk yang sentiasa ditenggelami oleh air dalam masa-masa musim hujan khususnya di hujung-hujung tahun.

Yang kedua, kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia saya juga mendesak supaya menimbangkan kehendak 60,000 penduduk di Mukim Serom, Gersik, Bukit Serampang yang berkehendakkan pembinaan, dengan izin, "inter-change", iaitu susur keluar-masuk ke Lebuhraya Utara-Selatan bagi kemudahan mereka.

Sekian, saya menyokong Usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Rajang.

5.27ptg.

**Dr Nicholas Munong Ibau (Rajang):** Tuan Yang di-Pertua, telebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya bangun membahaskan Anggaran Belanjawan 1988.

Rakyat di negara ini baru-baru ini telah menyaksikan dan merasai perkembangan-perkembangan politik yang membimbangkan. Kita juga mendapat pandangan orang ramai yang sebulat suara termasuk saya sendiri yang menyokong tindakan Kerajaan mengawal keselamatan dan keamanan di negara ini. Banyak dari mereka yang kena tangkap adalah sahabat dan kawan kita yang kita ketahui orang yang nationalistic kepada negara kita.

Saya berpendapat mungkin banyak dari mereka yang kena tangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini adalah bukan orang yang menjadi musuh negara sebenar, bukan orang yang ingin melihat negara kita hancur, tetapi saya berpendapat mereka adalah orang yang mahu meluahkan, memberi cadangan dan pandangan secara terbuka. Mereka bukan hendak menghancurkan demokrasi, tetapi orang yang mengamalkan sistem berdemokrasi. Malangnya mungkin

kata-kata mereka adalah terlampau sedikit. Dengan ini saya menyeru kepada Kerajaan supaya bertindak cepat mengkaji tiap-tiap kes orang yang kena tangkap. Sekiranya mereka sudah sedar kesalahannya dan berjanji mereka akan berbuat baik di masa yang akan datang, saya berpendapat mereka patutlah dilepaskan secepat boleh.

Saya rasa Kerajaan patutlah menjadi "bapa" kepada semua rakyat seperti seorang bapa yang mengambil tindakan disiplin kepada anaknya. Kerajaan juga boleh berbuat demikian. Rakyat yang nakal mestilah dipanggil, disoal dan secepat mungkin diberi peluang berbuat baik di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan dan keamanan adalah intan kepada kita. Oleh itu kita semua mesti menghargai keselamatan setiap masa. Tindakan yang mengancam keselamatan kita mesti dibendung dan dikawal dengan awal sebelum terlewat.

Di sini saya ingin memberitahu semua Ahli tentang kejadian yang telah berlaku yang boleh mengancam keselamatan negara sekiranya ia dibenarkan berlaku di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di masa pilihanraya yang lalu di Sarawak, khasnya di kawasan pilihanraya Dudong iaitu State Constituency, dengan izin, pergaduhan hampir-hampir berlaku di tempat membuang undi di Selangau, di Sekuau, di Batu 30, Jalan Oyak dan di Sungai Siong. Pergaduhan hampir berlaku oleh kerana, pertama, orang dari kawasan lain datang beramai-ramai dengan bas atau perahu panjang membuang undi di kawasan yang bukan kawasan tempat tinggal mereka. Mereka datang bukan hendak mempertahankan hak mereka di

kawasan itu, tetapi mereka datang kerana sudah dirancang oleh calon-calon mereka untuk menambah bilangan undi, oleh kerana undi orang tempatan mungkin tidak mencukupi. Contohnya pengundi-pengundi dibawa heramai-ramai dari Sungai Asan dengan bas untuk membuang undi di Sekuau dan di Batu 30, Jalan Oyak dan juga di Selangau.

Keduanya ada 11 orang dari kawasan Rasau dibawa dengan perahu panjang untuk membuang undi di Sungai Siong. Dan kedua sebab-sebab pergaduhan dekat-dekat berlaku ialah kerana ada pengundi dibenar membuang undi dua kali oleh kerana nama mereka timbul dua kali di senarai nama-nama pengundi. Contohnya nama-nama pengundi di Sungai Asan juga termasuk nama calon itu sendiri timbul dua kali di senarai nama-nama pengundi dan mereka itu mengambil kesempatan dan kelalaian Election Commission dan membuat kesalahan membuang undi dua kali. Orang awam dan orang tempatan telah menimbulkan perasaan tidak puas hati. Baiknya mereka bersabar dan mereka berharap supaya orang bersalah akan dibawa ke mahkamah, malangnya orang yang bersalah tidak dibicarakan walaupun laporan polis telah dibuat.

Di hari ini orang awam dan orang tempatan telah bersabar tetapi di masa yang akan datang kita tidak tahu mungkin kita tidak boleh menjamin keselamatan di masa membuang undi

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mencadangkan iaitu di masa pilihanraya yang akan datang pihak Election Commission mestilah mengkaji dengan teliti senarai nama-nama pengundi supaya nama-nama pengundi tidak timbul dua kali; kalau ada yang nama-nama pengundi timbul dua kali, orang yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan membuang undi dua kali dan ini adalah membahayakan.

Kedua, saya mencadangkan supaya Kerajaan membuat undang-undang membenarkan orang tempatan, orang yang tinggal di kawasan pilihanraya itu sahaja dapat membuang undi di kawasan tempat tinggalnya dan menghalang orang dari kawasan lain menceroboh ke kawasan lain. Adanya undang-undang seperti itu orang tempatan adalah merasai hak mereka terjamin dan tidak mudah dipermainkan oleh orang yang pendatang dikatakan "phantom voters", ke kawasan mereka itu, hanya oleh kerana mereka yang datang itu mungkin hendak membuat kekacauan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik kepada peruntukan yang agak besar untuk memperbaiki tahap tambunan jalan raya luar bandar. Tiap-tiap tahun Ahli dari Sarawak dan juga dari Sabah khasnya Ahli dari kawasan luar bandar selalu menimbulkan keadaan infrastruktur di luar bandar yang tidak memuaskan.

Adakah ini bererti peruntukan yang jauh tidak mencukupi ataupun peruntukan yang sudah diberi tetapi tidak dilaksanakan dengan baik. Untuk pengetahuan kita semua, saya bercadang supaya Kerajaan Pusat mengarah Kerajaan Negeri Sarawak ataupun Negeri Sabah khasnya Menteri Kerja raya Negeri yang berkenaan supaya mengadakan laporan yang terperinci yang menyeluruh mengenai infrastruktur di negeri-negeri itu tiap-tiap tahun. Laporan itu mestilah mengandungi senarai jalan-jalan raya termasuk jalan-jalan di luar bandar, jalan di bandar dan juga jalan-jalan yang dibina secara bergotong-royong. Laporan itu mesti juga menerangkan herapa jauh, berapa panjangkah jalan itu, berapa kos pembinaan dan juga berapakah kos yang telah dipakai untuk membaikinya setiap tahun. Dengan adanya laporan yang menyeluruh ini akan memberi erti

untuk Kerajaan mengagihkan peruntukan membaiki dan membina jalan di kawasan luar bandar, khususnya di Sarawak dan juga di Sabah. Sekian sahaja, saya ingin menyokong Anggaran Belanjawan 1988.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Maran.

5.35 *ptg.*

**Tuan Haji Mohamed bin Abdullah (Maran):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan 1988. Saya kalau boleh hendak bercakap 10 atau 15 minit sahaja. Saya akan menyentuh beberapa perkara dalam hal Belanjawan ini, bolehlah dikatakan apa yang disentuh ini adatah merupakan secara umum sahaja.

Perkara pertama yang saya hendak sentuh ialah masalah pembukaan tanah. Kita telah dimaklumkan bahawa negara-negara di ASEAN ini di mana negara-negara yang mengeluarkan hasil balak sebagai pendapatan kepada negara dalatn masa tempoh 40 tahun lagi kita akan kehabisan hasil hutan ini.

Jadi perlulah Kerajaan kita sendiri mengambil kira sama ada kita hendak mengeluarkan semua hasil hutan kita atau kita hendak menyimpannya. Masalah yang ketara menjadikan hasil balak keluar dengan banyak ialah dengan pembukaan tanah, membuat rancangan-rancangan tanah. Dalam hal ini inginlah saya menyarankan kepada Kerajaan supaya dalam usaha pembukaan tanah, membuat rancangan-rancangan perlulah diteliti dengan baik. Kedapatan sekarang rancangan-rancangan tanah terutama sekali FELDA telah membuka tanah begitu banyak. Di Pahang sahaja tidak kurang daripada 161 rancangan. Ini adalah merupakan terlalu banyak, lebih 40% rancangan tanah dibuka

adalah di Pahang, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji keadaan ini, janganlah membuka rancangan tanah terlalu banyak di sesebuah negeri sahaja. Maka eloklah Kerajaan menumpukan di mana negeri-negeri yang masih kecil pembukaan rancangan tanah.

Dalam hal FELDA ini oleh kerana kita telah membuka rancangan ini penambahan penduduk telah bertambah. Ramai belia dan beliawanis di rancangan-rancangan telah wujud, maka bagi menentukan mereka ini akan berterusan maka inginlah saya mencadangkan, kepada Kerajaan supaya membuka industri-industri kecil yang berbentuk pertanian ataupun sebagainya di rancangan-rancangan tanah kerana dengan adanya industri ini boleh memberi pendapatan dan pekerjaan kepada belia dan beliawanis di rancangan-rancangan tersebut.

Perkara yang kedua saya hendak sentuh ialah masalah penangkapan ikan di laut dalam. Memang nelayan-nelayan kita setakat ini belum berkemampuan untuk mencebur diri dengan secara ramai dalam masalah ini, kerana menangkap ikan di laut dalam ini bukan sahaja laut itu dalam, bahkan jauh daripada pantai. Maka inginlah saya mencadangkan supaya agensi-agensi kewangan ataupun bank-bank kita, misalannya Bank Pertanian, Bank Pembangunan dan Bank Rakyat memberikan pinjaman-pinjaman tertentu untuk mengadakan bot-bot nelayan yang besar bagi menangkap ikan di laut dalam dengan mengambil nelayan-nelayan daripada negara lain yang berpengalaman. Kita berikan mereka kerja sebagai kontrak setahun, dua tahun menjadi pengajar kepada nelayan-nelayan kita.

Apabila nelayan-nelayan kita telah berkeupayaan menangkap sendiri ikan di laut dalam maka kita bolehlah tamatkan kontrak mereka yang

bekerja dengan kita ini. Jadi dengan cara ini saya nampak usaha untuk menangkap ikan di laut dalam boleh ditaksanakan. Buat masa sekarang tidak kurang daripada \$337 juta kita mengimport ikan daripada luar negara kita. Kadang kala ikan di laut dalam kita diambil oleh orang kemudian ikan itu diimport kepada kita, ini bererti kita makan ikan kita sendiri tetapi dijual oleh orang lain.

Masalah yang ketiga yang saya hendak sentuh masalah pengangguran. Di dalam Islam sendiri boleh dikatakan tidak ada pengangguran, yang ada ialah orang malas dan orang rajin. Betapa malangnya kalau sekiranya pemuda dan pemudi, beliau dan beliawanis yang begitu sihat, kudratnya yang begitu kuat, orang yang muda tentu mempunyai kudrat yang kuat, kalau sekiranya mereka ini tidak mahu mencari pekerjaan bersendirian, malulah mereka kalau sekiranya mereka itu makan ditanggung oleh ibu-bapa mereka sedangkan ibu-bapa mereka adalah sudah tua.

Ahli ekonomi Barat telah menghayalkan kita, mereka telah mengajar kita masalah pengangguran, maka kadang kala kita sedap hidup sebagai penganggur kerana hidup sebagai penganggur memanglah senang tidak bekerja. Jadi kita sendiri sedar bahawa kita ada tanah terbiar, kolam ikan terbiar dan banyak lagi yang tidak diusahakan, kadang-kala getah-getah yang ada di kampung tidak dikeluarkan hasil kerana tidak ada orang untuk menorehnya.

Jadi, inilah di antara gejala-gejala yang timbul. Kalau sekiranya kita sendiri mempunyai semangat mahu bekerja sendiri dan mahu makan di atas hasit kita sendiri, saya tidak nampak masalah pengangguran ini diheboh-hebohkan sekian rupa. Maka saya menyeru kepada belia-belia dan beliawanis yang mempunyai tenaga

yang kuat supaya berusaha mencari nafkah sendiri, janganlah suka sangat untuk mendapat bantuan daripada Kerajaan dan mendapat bantuan daripada ibubapa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang lain saya hendak sentuh ialah rakyat kelas dua. Ada di antara warganegara kita di Malaysia ini menyentuh mengatakan ada di antara rakyat di negara kita ini ialah merupakan rakyat kelas dua. Saya tidak nampak mengapa mereka sanggup mengatakan sedemikian. Kadangkala mereka yang menganggap mereka itu sebagai rakyat kelas dua telah hidup tebih senang daripada rakyat yang dipanggil kelas pertama. Kita sedar bahawa rakyat kita daripada bumiputeralah yang dianggap hidupnya susah dan miskin. Mereka inilah yang perlu kepada pembelaan dan mereka inilah mesti diberikan perhatian. Tetapi di antara mereka yang menganggap mereka itu kelas dua, sebenarnya mereka itu telah hidup senang-lenang, yang mereka mendakwa sedemikian rupa adalah bertujuan politik mereka untuk menang di dalam pilihanraya dan sebagainya. Ini amat malanglah kalau sekiranya ada di antara warganegara kita yang sanggup mengatakan sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu, saya ingin menyentuh iaitu berkenaan dengan agama Islam. Persidangan Islam Antarabangsa yang diadakan di Makkah pada 12 hingga 16-10-87 yang dihadiri oleh hampir 700 serjana dan intelektual Islam telah membahaskan beberapa bidang.

Di antara yang dibincangkan oleh mereka ialah berkenaan dengan kedudukan ekonomi orang Islam, kedudukan pelajaran, kedudukan perhubungan dan sebagainya, tidak ada di antara mereka membincangkan bagaimana hendak menghapuskan penganut-penganut agama yang lain. Tidak terlintas di hati mereka macam

mana hendak menghancurkan penganut-penganut ataupun pendakwah-pendakwah agama lain. Tidak terlintas di fikiran mereka hendak menakluk negara-negara yang ramai penganut-penganut agama yang lain, tetapi malangnya ada di antara penganut-penganut agama lain di negara kita dan negara-negara lain cuba mengancam penganut-penganut agama Islam. Kalau kita perhatikan jelas sekati bahawa hampir 80% daripada pelarian yang ada sekarang adalah merupakan penganut-penganut agama Islam. Mereka ini telah menjadi pelarian kerana desakan, kerana himpitan daripada pemerintah-pemerintah yang beragama lain. Kerana mereka yang memegang agama lain hanya untuk menaikkan agama mereka dan juga untuk memerintah negara itu, tetapi ingat agama Islam tidaklah sedemikian rupa.

Saya ingin menyarankan di sini kepada penganut-penganut agama lain di dalam Malaysia ini jangan cuba bersendiwara dengan penganut-penganut agama Islam, maka padahnya akan berlaku. Inilah di antara perkara yang kita perlu ingati. Orang Islam tidak boleh disentuh kesucian Islamnya, mereka sanggup berjuang kerana kematian mereka itu adalah merupakan kematian syahid, tetapi agama lain tidak ada menganggap mereka akan mati syahid. Inilah perkara-perkara yang perlu diingatkan oleh penganut-penganut agama lain di dalam negara kita ini, jangan cuba menodai kesucian agama Islam kita yang kita anuti.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa buat akhirnya saya ingin menyentuh mengenai Bahasa Kebangsaan. Saya ingin menyentuh Hari Sastera yang ke 9 yang diadakan di Kuantan, Pahang pada 16 hingga 19-10-87. Seorang pensyarah daripada Universiti Paris, bukan warganegara Malaysia, bukan orang Melayu, namanya Professor

Denys Lombard telah mengatakan bahawa bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa perhubungan, bahasa perdagangan di rantau ini sejak kurun ke 16 lagi. Seorang peserta daripada Amerika, bernama Windecker mengatakan bahasa Melayu adalah merupakan bahasa perantaraan yang setanding dengan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Perancis dan sebagainya.

Saya sendiri malu, mengapakah warganegara asing sanggup menyatakan sedemikian rupa, tetapi kebanyakan di antara warganegara kita sendiri tidak mahu menyanjung dan mendaulatkan bahasa sendiri dan ada di antara warganegara kita yang telah hidup beberapa lama di negara kita ini tidak pandai berbahasa Malaysia—bahasa Melayu. Ini adalah satu perkara yang amat memalukan kita.

Saya menyeru kepada Kerajaan supaya menjalankan saranan yang tegas supaya kita mendaulatkan bahasa kita. Kalau kita lihat daripada syair yang dibacakan oleh Professor Denys Lombard jelas mencabar kita sendiri. Syairnya berbunyi:

Berdebu ombak di Selat Melaka,  
Ombaknya mengalun sampai  
Sembawa,  
Bahasa Melayu, bahasa Nusantara,  
Mari kita memperjuangkannya.  
Dari Pahang sampai ke Eropah,  
Angin berhembus tak kunjung reda,  
Bahasa Melayu sudah bahasa dunia,  
Tak henti kita menghaluskannya.

Ini adalah merupakan cabaran kepada warganegara kita sendiri. Orang Perancis, bukan warganegara kita telah menyuarakan sedemikian rupa kepada kita, tetapi kita setakat mana kita telah mendaulatkan bahasa kita. Kita mestilah bersama-sama mendaulatkan bahasa kita dan meninggikan tarafnya, bukan sahaja untuk penggunaannya di negara kita

tetapi kita mahu mendaulatkan bahasa kita ini sebagai bahasa antarabangsa.

Buat akhirnya, inginlah saya menyampaikan satu pantun saya ataupun syair saya:

Bayu sejuk membawa hujan,  
Sungai mengalir ke Selat Melaka,  
Bahasa Melayu Bahasa  
Kebangsaan,  
Marilah kita mendaulatkannya.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Seputeh.

*5.50ptg.*

**Tuan Liew Ah Kim (Seputeh):** Tuan Yang di-Pertua, penahanan secara beramai-ramai di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini memang telah membangkitkan berbagai reaksi dan emosi; ada yang menyokong tindakan Kerajaan untuk melegakan suasana ketegangan perkauman, ada pula pihak yang mensifatkan episod secara ini sebagai titik permulaan ke arah zaman kezaliman. Dalam masa yang genting ini kita harus merenung kembali dengan tenang sama ada proses pembinaan negara selama 30 tahun ini telah gagal mencapai cita-cita yang murninya.

Saya akui bahawa memang sukar bagi sebuah negara baru yang majmuk seperti Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang bersatupadu dalam masa yang singkat ini. Ini adalah kerana ada setengah-setengah negara yang bersejarah beratus-ratus tahun pun masih belum mencapai perpaduan yang tulen. Ada yang berpecah-belah kerana faktor perbezaan agama, budaya, keturunan, etnik, bahasa, kewilayahan dalam fahaman politik. Dalam usaha mempertahankan hak-hak masing-masing, perbezaan itu sering

mencetuskan rusuhan kaum, peperangan saudara dan keadaan kacau-bitau dan huru-hara. Walaupun negara ini juga menghadapi cabaran yang ada pada sebuah negara majmuk, perbezaan-perbezaan ini tidak menimbulkan masalah yang serius kerana semua pihak yang terlibat sedia berkompromi dan bertolak ansur. Walau bagaimanapun, semangat berkompromi ini sekian tergugat oleh perkembangan sosio ekonomi, budaya, agama dan politik yang pesat, khususnya pada zaman 70an dan 80an. Bagi orang Melayu, mereka mahu meningkatkan kuasa ekonomi, di samping mengukuhkan kuasa politik mereka supaya dapat menemiskan dominasi mereka ke atas lain-lain kaum. Atas desakan ini Dasar Ekonomi Baru telah menggubalkan untuk memastikan orang-orang Melayu dapat menikmati perkembangan ekonomi di Malaysia. Di samping memperjuangkan kedudukan ekonomi, orang Melayu juga mendaulatkan dasar "satu budaya, satu agama dan satu bahasa". Bagi orang bukan Melayu, mereka menyedari betapa pentingnya DEB untuk menyatupadukan negara dan justeru itu, memberi sokongan penuh kepada matlamatnya untuk menyusun semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun matlamat-matlamat DEB adalah murni, tetapi pelaksanaannya telah menimbulkan perasaan ketidakpuasan hati di kalangan orang bukan Melayu, khususnya mereka dari golongan yang didiskriminasikan, di samping merasa kedudukan ekonomi mereka sekian lama sekian merosot. Orang bukan Melayu juga merasa bahawa hak-hak asasi bahasa, agama, budaya dan politik mereka tergugat dan terancam. Pada zaman 80an kita nampak semakin banyak isu-isu sosio ekonomi diputarbelitkan untuk menjadi masalah perkauman oleh golongan-golongan politik yang berkepentingan.

Di samping itu, parti Pembangkang, kumpulan sosio dan pertubuhan awam telah membongkar skandal-skandal dan penyelewengan dalam pentadbiran Kerajaan. Sungguh malangnya, golongan Pembangkang ini disalahtakrifkan sebagai kumpulan anti nasional dan yang cuba merampas kuasa Kerajaan. Walaupun golongan ini telah memberi khidmat bakti mereka dalam memberi makna kepada proses demokrasi dan dalam menegakkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah, namun begitu, pihak Kerajaan tidak menghargai sumbangan mereka. Walau bagaimanapun, rakyat jelata adalah lebih mengetahui dan insaf tentang hakikat sebenar dan memberi sokongan kepada golongan ini melalui undi mereka dalam Pilihanraya Umum tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran Kerajaan ini adalah lemah sekali memandangkan jumlah undi popular yang diperolehinya dalam Pilihanraya Umum tahun 1986. Kekuatannya semakin merosot, lebih-lebih lagi selepas pemilihan jawatan Presiden UMNO pada bulan April, tahun ini. Pihak pemerintah merasai kedudukan politik mereka diancam dan mereka sedang cuba memelihara, menggugurkan dan mengekalkan kuasa dan dominasi politik mereka. Dalam sinario politik yang tegang, Kerajaan bukan terpaksa berhadapan dengan parti Pembangkang dan suara-suara pembantah yang semakin kuat sahaja, tetapi juga perlu mempertahankan diri dari ancaman dalaman, dari UMNO sendiri dan Barisan Nasional. Pemerintah yang lemah ini terpaksa mencari jalan untuk menahan kedudukan "fragile" mereka. Isu-isu yang senang membangkitkan perasaan perkauman sengaja ditimbulkan untuk mewujudkan keadaan ketegangan antara kaum. Semua muslihat-muslihat ini termasuk anjuran dan pembatalan perhimpunan raksaksa UMNO dan penangkapan beramai-ramai di bawah ISA adalah dirancang

dengan teliti untuk memusnahkan parti Pembangkang. Suara-suara pembantah dan juga musuh dalam UMNO dan Barisan Nasional supaya kedudukan politik mereka dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata masih mempercayai semangat kompromi dan toleransi antara kaum adalah menjadi asas kepada pencapaian kemerdekaan dan proses pembinaan negara. Bagi rakyat jelata semangat ini telah diancam oleh puak-puak politik yang berkepentingan, yang telah memutarbelitkan isu-isu untuk meningkatkan semangat perkauman. Politicking yang berlebihan dalam UMNO telah membawa rakyat dan negara ke dalam satu suasana yang amat gelisah. Rakyat tahu bahawa semua ketegangan ini wujud kerana ada ahli-ahli politik yang tidak bermoral telah memainkan-mainkan api perkauman . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Nanti sekejap! Yang Berhormat dari Tanah Merah hendak apa?

**Tuan Hashim bin Safin:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia hendak penjelasan!

**Tuan Liew Ah Kim:** Masa tak cukuplah, Tuan Yang di-Pertua, saya tak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tak beri.

**Tuan Hashim bin Safin:** Terus sampai habis tak boleh berikah? Beritahu teruslah, tak payah saya

bangun. Kalau boleh, kita mesti bangun.

**Tuan Liew Ah Kim:** Setepas saya berucap.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tak boleh?

**Tuan Liew Ah Kim:** Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tak apa.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, rakyat tahu bahawa semua ketegangan ini wujud kerana ada ahli-ahli politik yang tidak bermoral telah memainkan api perkauman. Mereka ini sanggup menganaktirikan kepentingan negara semata-mata untuk kepentingan politik dan kewangan mereka.

Dalam pada ini, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa parti DAP menafikan sama sekali tuduhan bahawa ia adalah sumber kepada segala ketegangan kaum ini. DAP sebagai sebuah parti yang bertanggungjawab telah memainkan peranannya secara berperlembagaan demi menegakkan keadilan dan kebenaran, tetapi disalahtakrifkan sebagai parti chauvinist. DAP telah bersumpah untuk bertaat setia kepada Agong dan Negara dan tidak teragak-agak untuk menentang segala kezaliman Kerajaan. Tetapi jangan harap kita akan taat kepada sebuah Kerajaan yang menggagalkan dan membangkitkan rusuhan kaum. Bagi Ahli Yang Berhormat yang buat tidak tahu perbezaan antara kesetiaan kepada negara dan kesetiaan kepada Kerajaan semasa, saya nasihatkan mereka merenung kembali prinsip ini sebelum membuat tuduhan melulu yang bukan-bukan. Setakat ini kita harus setuju dengan hakikat bahawa negara ini kini sudah putus asa untuk mencapai perpaduan kerana semangat kompromi dan toleransi dalam falsafah pembinaan negara telah tergugat dan terjejas. Kita juga perlu setuju bahawa negara ini perlu

mencari jalan baru untuk memulih dan memelihara perhubungan baik antara kaum dengan mengulangkaji falsafah proses pembinaan negara dan mengembalikan keyakinan rakyat kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, penahanan beramai-ramai di bawah ISA sebenarnya adalah jalan mati ke arah matlamat pembinaan negara. Bagaimanakah perpaduan boleh dicapai dengan menggunakan kuasa paksaan. Rakyat jelata sedia menyambut kembali Kerajaan ini, tetapi ia mesti lebih peka dan menghormati hasrat dan aspirasi mereka. Rakyat juga ada pilihan alternatif yang disedari oleh Kerajaan sendiri. Sehubungan dengan ini, rakyat jelata menyeru Kerajaan supaya membebaskan semua orang tahanan dengan segera supaya masa-masa kecemasan boleh digunakan untuk menggerakkan usaha memulih balik negara ini. Orang-orang yang ditahan ini tidak mahu menjahanamkan negara ini. Mereka hanya boleh melanjutkan masalah yang kita hadapi. Kerajaan mesti berani berkehadapan dengan orang yang menegur, mengkritik dan mencadangkan dengan membina dan bukan mensembunyikan di belakang Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

6.04ptg.

**Tuan Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang):** Tuan Yang di-Pertua, usaha dan langkah Kerajaan memberi dan menyediakan peruntukan yang lebih ke sektor luar bandar lebih-lebih lagi penumpuan kepada sektor pertanian adalah amat dialu-alukan.

Suatu peruntukan yang agak besar sejumlah \$1.4 ribu juta ataupun 21% daripada Perbelanjaan Pembangunan 1988 telah diperuntukkan bagi pembangunan tanah dan pembangunan wilayah, pembangunan pertanian bersepadu, subsidi baja padi dan khidmat-khidmat sokongan. Bagi meneruskan program-program berhubung dengan pembukaan kawasan-kawasan tanah, tanah baru, pemuliharaan kawasan-kawasan terbiar dan yang tidak berproduktif untuk tanaman-tanaman kekal seperti getah, kelapa sawit dan koko sejumlah \$512 juta yang diperuntukkan memanglah tidak berapa mencukupi. Namun demikian, dengan gerakan yang bersepadu, penyelarasan yang berkesan di antara agensi seperti FELDA, FELCRA, Jabatan Pertanian dan lain-lain, saya yakin tujuan dan matlamat Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan seterusnya memulihkan ekonomi negara kita akan beroleh kejayaan.

Bercakap dan segi penyelarasan agensi-agensi Kerajaan yang ditumpukan ke luar bandar, kumpulan sasarannya sudah tentulah petani, peladang, penternak dan nelayan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian yang sentiasa mengatur dan menyusun penyelarasan dan mempertingkatkan khidmat dan pengurusan agensi-agensi di bawah Kementerianya. Tidak ketinggalan juga mengkemaskinikan peranan Lembaga Pertubuhan Peladang. Lembaga Pertubuhan Peladang telah dipertanggungjawabkan ke atas Pertubuhan Peladang. Pertubuhan Peladang yang diwujudkan pada kira-kira tahun 1973 bertujuan meninggikan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, meninggikan hasil dan pendapatan selaras dan sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pertanian Negara. Pertubuhan Peladang akan digerakkan, digembelngkan oleh Lembaga

Pertubuhan Peladang untuk mencapai Pertubuhan Peladang berkeadaan kukuh dan berdaya maju.

Hasrat dan matlamat yang unggul ini akan hanya tinggal dengan tujuan dan matlamat sehalu sekiranya tidak ada usaha-usaha agresif ke arah ini. Langkah-langkah untuk mengembelngkan dan menyakinkan petani-petani, peladang, penternak tidak tertumpu kepada Kementerian Pertanian semata-mata. Semua pihak, semua Kementerian terutama Kementerian Kewangan mestilah memberi keutamaan dan memastikan setiap peluang untuk mendapat sumber pendapatan balik, baik melalui kerja-kerja kontrak, pembekalan-pembekalan lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan pertanian dan ternakan diberi keutamaan kepada Pertubuhan Peladang mengikut nafas di peringkat kebangsaan. Pertubuhan Peladang Negeri, di peringkat negeri; Pertubuhan Peladang kawasan, di peringkat daerah.

Di dalam konteks ini juga diharapkan badan dan agensi seperti FELCRA, RISDA boleh menyalurkan peluang-peluang kerja terutama di dalam urusan pembukaan tanah, mengusahakan tanah terbiar, penanaman semula getah kepada Pertubuhan Peladang Peringkat masing-masing.

Di dalam saat ini suatu pertimbangan yang teliti dan faktor-faktor lain seperti kekurangan modal mestilah diambil kira, jangan dibiarkan Pertubuhan Peladang bersaing dengan mana-mana pengusaha dan kontraktor-kontraktor yang telah maju dan besar, bukan sahaja di dalam bidang pertanian, keutamaan mesti diberikan kepada Pertubuhan Peladang. Malahan agensi lain khususnya Kementerian Luar Bandar hendaklah memikirkan peluang-peluang kerja yang boleh

disalurkan kepada PPK seperti pembinaan jalan luar bandar, jalan pertanian, parit, longkang dan sebagainya.

Jika jumlah 10% sahaja dari peruntukan pembangunan sektor ekonomi yang merangkumi pertanian, tanaman semula getah, pembangunan tanah, parit dan taliair, perusahaan ternakan dan perikanan berjumlah lebih daripada \$1.4 ribu juta ini disalurkan kepada Pertubuhan Peladang ini sebanyak 10%, bererti \$100 juta telah dapat disalurkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan. Usaha seumpama ini menampakkan kesungguhan Kerajaan hendak membantu membesarkan dan mengukuhkan PPK hari ini. Keyakinan petani, peladang, penternak, nelayan dapat dipertingkatkan. Harapan untuk memikirkan seluruh keluarga tani di dalam negara yang lebih dari satu juta keluarga ini, usaha untuk melipatgandakan saham yang tidak lebih dari \$7 juta akan lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian usaha-usaha Kerajaan untuk melihat PPK dapat berdikari tanpa bantuan pinjaman pegawai dari LPP yang melibatkan belanja pengurusan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang dapat dikurangkan. Langkah ini juga boleh dilakukan terhadap pertubuhan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan sejumlah wang yang tertentu dapat diselamatkan sekiranya setiap persatuan nelayan dan juga Pertubuhan Peladang tidak mengharap lagi bantuan dan geran daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai pembangunan negara, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khususnya inisiatif Yang Berhormat Timbalan Menteri mewujudkan semula konsep dan semangat Buku Merah yang

dinamakan Buku Merah Dua yang bertujuan untuk menyelaraskan pembangunan negara sesuai dengan keadaan ekonomi negara yang mementingkan kepada pendapatan dan mengisi kecek rakyat. Dengan lain perkataan, projek-projek yang diberi keutamaan ialah projek yang boleh mendapat dan menambahkan punca pendapatan. Gerakan menyusun jentera Kerajaan di peringkat Daerah adalah diharapkan memberi kesan yang positif kepada pembangunan negara. Namun demikian, Kerajaan tidak seharusnya pula mengeneppikan perancangan dan semangat Buku Merah Pertama di zaman AHahyarham Tun Abdul Razak yang sedikit sebanyak telah dapat disentuh oleh bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn.

Saya ingin bertanya dan mengingatkan semula di dalam perancangan Buku Merah Pertama ada dicadangkan pembinaan lapangan terbang antarabangsa, kalau tidak salah kawasan yang telah dikenalpasti ialah meliputi kawasan Sepang, Nilai dan Port Dickson di Negeri Sembilan. Saya percaya perancangan untuk mewujudkan lapangan terbang antarabangsa sebegitu rupa tentulah bertujuan untuk mengelakkan daripada kawasan sesak dan padat seperti Kuala Lumpur dan Subang. Selain daripada itu, keadaan kepesatan pembangunan Kuala Lumpur dan Shah Alam dengan pembinaan bangunan tinggi mencakar langit dan sebagainya sudah tentulah tidak sesuai lagi.

Keadaan lapangan terbang yang terdapat pada hari ini bukan sahaja tidak boleh membesar untuk membolehkan kapal-kapal terbang besar seperti Concord mendarat, malahan sudah menjadi kesulitan untuk kapal-kapal terbang biasa Boeing 747 memperolehi "clear air space". Selain daripada itu, kawasan Lapangan terbang Subang ini telah

diselaraskan dengan Lapangan terbang Tentera yang akhirnya lebih menyulitkan keadaan. Tidak hairan sedikit masa lagi dengan keadaan kesesakan beberapa keadaan seperti bangunan-bangunan yang tinggi ditambah pula dengan pencemaran udara di sekitar Shah Alam dan Kuala Lumpur akan mudah berlaku pelanggaran udara.

Saya sedar Kerajaan di saat tidak berkemampuan untuk membina projek besar beribu juta seperti pembinaan lapangan terbang yang baru tetapi sekadar mengingatkan Kerajaan sekiranya dapat diteliti dan dikaji semula projek yang sebegitu rupa. Saya nampak sekiranya satu lapangan terbang baru dan moden 3-4 kali ganda besar lebih daripada Subang dapat dibina berhampiran dengan pantai, terutama di antara Kuala Langat, Sepang ataupun Negeri Sembilan, ianya bukan sahaja memudahkan pendaratan-endaratan dan penerbangan-penerbangan, malahan serentak dengannya membantu membangun dengan pesat kawasan-kawasan dan daerah-daerah yang mundur seperti Sepang, Kuala Langat dan Port Dickson dan ini selaras dan sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan kawasan-kawasan dan pusat-pusat pelancongan yang telah dikenalpasti berkeupayaan menarik minat pelancong-pelancong seperti Morib di Kuala Langat, Bagan Lalang di Sepang, Port Dickson di Negeri Sembilan.

Untuk tujuan ini, Kementerian Kerjaraya diharapkan dapat merancang suatu pembinaan lebuh raya di persisiran pantai yang akan menghubungkan Kelang, Morib, Bagan Lalang, Port Dickson, Melaka dan seterusnya Johor.

Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya satu lapangan terbang, rangkaian lebuh raya sepanjang pantai

dan dapat pula difikirkan pembinaan suatu pusat pentadbiran luar daripada Kuala Lumpur yang boleh memberikan perubahan dan menukar suasana sibuk yang ada di Kuala Lumpur ini seperti terdapat di negara-negara luar seperti Taif di Saudi Arabia dan juga Baguio City di Filipina dan lain-lain yang akan menjadlkan Malaysia lebih ditninati untuk dikunjungi dan dilawati, serentak dengannya membangunkan kawasan-kawasan yang terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bercakap mengenai bakal bandar baru yang saya jadikan impian sebentar tadi, insya Allah, akan menjadi kenyataan, maka saya suka juga menarik perhatian Kerajaan akan perihal bandar-bandar baru yang sekarang khususnya di negeri Selangor. Shah Alam adalah pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, bandar utama menggantikan Kuala Lumpur, masih lagi belum boleh dibanggakan sebagai bandar ibu negeri. Kekurangan seperti hospital, pusat bomba, maktab-maktab dan juga sekolah berasrama penuh akan hendaknya dapat disegerakan oleh Kerajaan. Begitu juga halnya dengan bandar Baru Bangi, bandar ilham Allahyarham Tun Abdul Razak, bandar ilmu, bandar di antara dua buah Universiti—Universiti Pertanian dan juga Universiti Kebangsaan—dibina pada awal tahun tujuh puluhan dan mulai berpenghuni pada tahun 1976 dan sekarang telah pun berusia lebih daripada 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini bandar baru yang diimpikan oleh Allahyarham Tun Razak itu memerlukan perhatian daripada Kerajaan di mana tapak hospital telah disediakan—belum ada hospital, tapak masjid diadakan—belum ada masjid, tapak Balai Polis telah pun disediakan—belum juga ada Balai

Polis, tapak Balai Bomba pun juga disediakan—belum juga ada Balai Bomba, tapak Pejabat Pos pun juga telah disediakan—belum juga ada Pejabat Pos, tapak Sekolah Agama pun disediakan—belum juga ada Sekolah Agama. Saya berharap agar Kerajaan akan benar-benar mengambil perhatian dan seterusnya melaksanakan projek-projek ini.

Satu lagi bandar baru yang lahir hampir sama dengan Shah Alam, bandar baru Bangi ialah bandar baru Salak Tinggi, pusat pentadbiran daerah Sepang. Bandar ini lagi ketinggalan dan jauh ketinggalan daripada bandar-bandar lain. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Balai Polis pun tidak ada, hospital pun tidak ada, Balai Bomba tidak ada, pejabat pentadbiran Telekom berkongsi dengan Kuala Langat, pejabat dan pentadbiran Lembaga Letrik Negara berkongsi dengan Hulu Langat dan Port Dickson di Negeri Sembilan, masjid belum ada, suara pun tidak ada, Pejabat Pelajaran Daerah pun tidak ada.

Walaupun kemudahan-kemudahan seperti di atas belum lagi sampai dan insya Allah akan sampai, saya ada juga rakan-rakan Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional adalah bekerja bersungguh-sungguh untuk melihat bersama-sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang telah dan akan meletakkan azam yang tinggi untuk membangunkan bandar baru Salak ini.

Satu lagi kawasan yang sangat jauh tertinggal, Tuan Yang di-Pertua, ialah kawasan Dewan Undangan Negeri Batu Laut. Kawasan ini baru sahaja dapat kita tembusi daripada tangan Bebas selania tiga penggal berturut-turut. Kini harapan rakyat terhadap Kerajaan Barisan Nasional begitu tinggi. Saya merayu kepada Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar

dapat memberikan keutamaan terutama sekali di dalam pembinaan jalan, menaikkan taraf jalan, memperbaiki bekalan air serta pembukaan dan pembangunan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Tampin. Ada 10 minit sahaja.

*6.19 ptg.*

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab (Tampin):** Tuan Yang di-Pertua, dalam masa 10 minit ini saya cubalah ringkaskan ucapan.

Ucapan Belanjawan tahun 1988 ini serta Laporan Ekonomi tahun 1987-1988 yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini menyakinkan lagi bahawa ekonomi negara sedang mengalami proses pemulihan semula yang lebih mantap dan pasti. Pertumbuhan benar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sebanyak 1.2% pada tahun 1986, 2.5% pada tahun 1987 dan dijangkakan meningkat pada 4% pada tahun hadapan menunjukkan bahawa asas-asas pemulihan ekonomi tersebut adalah lebih kekal dan berterusan.

Di antara asas-asas pemulihan tersebut termasuklah meningkatkan datam pelaburan swasta yang telah mengalami perkembangan negatif selama 2 tahun dan meningkatkan eksport negara ke tahap yang tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak \$40.1 ribu juta pada tahun 1987 dan \$44.4 ribu juta pada tahun hadapan. Asas pemulihan pertama meningkatkan pelaburan swasta sudah pasti berpunca daripada strategi-strategi yang telah diambil dalam Belanjawan yang lepas khususnya perlaksanaan Akta Galakan Pelaburan 1986 dan beberapa pindaan selepasnya serta beberapa

pelonggaran syarat di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian yang telah diambil sepanjang tahun lepas.

Asas pemulihan kedua pula, meningkatkan eksport walaupun sebahagian besarnya berpunca dari kenaikan secara menyeluruh harga eksport komoditi negara di pasaran dunia, namun strategi-strategi galakan eksport barangan perkilangan yang telah diambil telah menyumbangkan sedikit sebanyak nilai eksport barangan tersebut dalam tujuh bulan pertama tahun 1987. Dipandang kepada kedua-dua perkembangan ini, Belanjawan tahun lepas boleh dianggapkan berjaya. Walau bagaimanapun, negara perlu berhati-hati kerana kedua-dua asas pemulihan tersebut adalah terlalu sensitif terhadap beberapa perkembangan dan gangguan dari dalam dan luar negeri seperti kerugian atas kertas sebanyak 22% daripada nilai stok di Bursa Saham Kuala Lumpur baru-baru ini akibat dari ketegangan suasana. Eksport komoditi negara masih lagi menghadapi ancaman dalam berbagai bentuk. Kelapa sawit mengalami persaingan hebat daripada kempen anti minyak kelapa sawit oleh negara Amerika dan juga eksport barangan perkilangan negara di samping mempunyai asas yang masih lagi sempit tertumpu kepada eksport barangan dan komponen elektronik, tekstil, pakaian dan kasut, sekarang terpaksa berhadapan dengan dasar perlindungan yang semakin tinggi dan menyekat di negara-negara perindustrian utama.

Sehubungan dengan ini, selain daripada strategi-strategi Belanjawan yang diambil untuk memulihkan iklim pelaburan dan prestasi eksport, langkah-langkah bukan Belanjawan perlu juga diambil. Di antara langkah-langkah bukan belanjawan bagi meningkatkan lagi prestasi eksport negara termasuklah langkah untuk mengemaskinikan fungsi dan

kecekapan Pejabat-pejabat Perdagangan Malaysia di luar negeri yang masih lagi boleh diperbaiki. Juga sebagai sebuah negara di mana perdagangan luar memberi sumbangan yang besar terhadap KDNKnya, maka Malaysia perlu menyertai secara cergas dalam pusingan perundingan perdagangan pelbagai hala untuk meningkatkan ataupun meluaskan lagi perdagangan di antara negara-negara di dunia ini.

Berbalik kepada Ucapan Belanjawan 1988, di sebalik perkembangan yang menggatakan dalam ekonomi negara khususnya dari segi pelaburan dan pengeksportan, dua masalah yang boleh mengancam proses pemulihan ekonomi negara iaitu defisit kewangan sektor awam yang dijangka meningkat ke paras \$12.4 juta pada tahun 1987 dan kadar pengangguran yang melebihi 9% pada masa sekarang. Selaras dengan perkembangan ekonomi negara di atas, maka strategi-strategi yang terdapat dalam Belanjawan tahun ini adalah amat sesuai. Namun begitu, ianya perlu dilaksanakan dengan teliti dan rapi.

Strategi pemulihan dan pertumbuhan ekonomi secara ringkas, di antara langkah-langkah yang diambil untuk pemulihan dan pertumbuhan ekonomi serta mewujudkan peluang pekerjaan termasuklah perlaksanaan projek mengenai Gas Semenanjung Fasa II; projek Bekalan Air Luar Bandar; penswastaaan Lebuhraya Utara/Selatan; peruntukan khas \$750 juta bagi projek-projek pembinaan, pembangunan, pertanian bersepadu dan infrastruktur; pembngunan industri-industri kecil dan penghapusan cukai keuntungan berlebihan syarikat dan melanjutkan tempoh penguatkuasaan elau pelaburan semula. Di samping mengalu-alukan langkah-langkah tersebut, kita perlu ingat bahawa

kesan positifnya tidak diperolehi secara automatik malah ia mungkin kurang berpotensi untuk mencapai objektifnya jika ia tidak dilaksanakan secara rapi dan cekap.

Secara ringkas, sememangnya ketiga-tiga projek yang disebutkan di atas tadi, bekalan Air Luar Bandar, Lebuhraya Utara/Selatan, Bekalan Projek Gas mempunyai potensi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta memberikan pekerjaan. Tetapi kita jangan lupa bahawa Rancangan Malaysia Kelima dan Belanjawan yang lepas juga pernah merancang supaya Program Khas Perumahan Kos Rendah untuk membina 80,000 unit rumah kos rendah setahun dalam tempoh tiga tahun untuk meningkatkan pertumbuhan sebanyak dua mata peratusannya dan menyediakan peluang pekerjaan lebihkurang 120,000. Tetapi selepas hampir dua tahun dilaksanakan, kesannya adalah kurang memuaskan. Beberapa masalah teknikal, kewangan dan perundangan adalah di antara sebab yang menjejaskan perlaksanaannya.

Oleh itu, untuk memastikan ketiga-tiga projek tersebut dapat memberi kesan, dijangka beberapa aspek perlu dirancang dengan rapi seperti aspek-aspek pembiayaan projek, aspek teknikal projek, kandungan import projek untuk mengelakkan kebocoran melalui import, kesediaan jenis guna tenaga yang diperlukan dan lain-lain. Program untuk membangunkan industri kecil dan sederhana telah lama dinanti-nantikan memandangkan kepada potensinya untuk memberikan sumbangan kepada pekerjaan dan juga kepada nilai bertambah di sektor perkilangan. Namun program ini mestilah meliputi bukan sahaja industri-industri kecil dan sederhana di kawasan bandar, tetapi perlulah dititikberatkan di kawasan-kawasan

luar bandar yang sebahagian besarnya diceburi oleh kaum bumiputera.

Berhubung dengan penghapusan cukai keuntungan berlebihan syarikat, persoalan yang perlu dikemukakan ialah apakah sistem insentif yang ada sekarang tidak mencukupi? Sebagaimana yang kita tahu, syarat pelaburan di Malaysia sekarang ini adalah yang paling liberal sekali dalam sejarah perindustrian negara. Insentif bersih, nilai semua insentif ditolak, nilai disinsentif termasuk cukai koporat yang dinikmati oleh para pelabur adalah paling lumaian sekali. Jika masih lagi ada kekurangan minat untuk melabur di Malaysia, ini tidak semestinya disebabkan oleh kekurangan insentif, tetapi lebih disebabkan oleh kerena pentadbiran dan lain-lain faktor bukan ekonomi.

Berhubung dengan elaun pelaburan semula, kesannya mungkin kurang daripada yang dijangkakan. Ini disebabkan pemberian etaun ini adalah tidak automatik dan hanya syarikat-syarikat yang tidak menikmati taraf printis, elaun cukai pelaburan, pelepasan ke atas penggunaan tenaga buruh, galakan lokasi dan elaun susut nilai dipercepatkan sahaja yang layak mendapat elaun pelaburan semula ini. Sebagaimana yang diketahui, syarikat-syarikat inilah yang mempunyai pendapatan untuk dilaburkan semula. Yang tinggal cuma sedikit sahaja yang dapat menikmati elaun pelaburan semula ini.

Untuk memperbaiki kedudukan sektor awam, di antara langkah ini termasuklah terdiri daripada usaha untuk meningkatkan hasil dan mengurangkan perbelanjaan. Secara ringkas, langkah untuk meningkatkan hasil termasuklah meningkatkan pelaburan minyak kepada, dengan izin, 540,000 barrel satu hari, meningkatkan dividen dari

PETRONAS sebanyak \$2,000 juta, meningkatkan dividen daripada Bank Negara, penjualan saham Kerajaan dalam MAS dan MISC, mengurangkan bocoran dalam sistem cukai jualan. Dua langkah terakhir memerlukan ulasan yang lebih lanjut. Penjualan saham Kerajaan dalam MAS dan MISC, ini amatlah digalakkan untuk mendapatkan pentadbiran dan pengkhususan yang lebih mantap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tidak dapat gulung, banyak lagi yang hendak dicakapkan. Kalau boleh sambung, elok benar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak boleh, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tidak boleh? Baiklah, masa pun sudah habis. Untuk mengulas reaksi terhadap Belanjawan 1988, reaksi orang ramai terhadap Belanjawan 1988 lebih banyak tertumpu kepada beberapa perubahan cukai yang

diumumkan serta kesannya ke atas kewangan sektor awam dan beberapa kumpulan pengeluar dan pengguna. Pelepasan cukai keuntungan berlebihan syarikat, elaun pelaburan semula, pengenaan cukai jualan, jualan saham Kerajaan dan lain-lain. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Terima kasih, saya menyokong usut yang dibentangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini seramai 55 Ahli-ahli Yang Berhormat telah dapat berucap. Pada hari Isnin dan Selasa, pihak Menteri-menteri akan menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum diberi peluang akan diberi keutamaan di peringkat Jawatankuasa.

Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*